



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN/
AGENSI DAN PENGURUSAN
SYARIKAT KERAJAAN

**NEGERI PAHANG
TAHUN 2016**

SIRI 2



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2016

**PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

**NEGERI PAHANG
SIRI 2**

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN



KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG Pengurusan Hasil Pembalakan
22	KERAJAAN NEGERI PAHANG Amanah Saham Pahang Berhad
49	PENUTUP

KATA PENDAHULUAN



KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri.
2. Pengauditan prestasi telah dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Laporan saya ini mengandungi Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun 2016 Siri 2 mengenai perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti di satu Jabatan dan satu Syarikat Kerajaan Negeri.
3. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 7 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.
4. *Auditor General's Dashboard* yang mula dilaksanakan pada 31 Mei 2013 memaparkan isu dan status terkini tindakan Laporan Ketua Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat dan pantas. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu Laporan Ketua Audit Negara serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil kepada pihak awam.


5. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
17 Oktober 2017



INTISARI LAPORAN



INTISARI LAPORAN

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG

1. Pengurusan Hasil Pembalakan

- a. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) memainkan peranan untuk mengurus dan membangunkan sumber hutan secara berkekalan serta mengoptimumkan sumbangannya kepada pembangunan sosioekonomi negeri. Seksyen 3 Akta Perhutanan 1984 (Akta 313) membenarkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) melantik Pengarah Perhutanan dan pegawai Jabatan Perhutanan untuk mengurus hutan negeri. Kaedah-kaedah Hutan (KKH) 1987 menetapkan bayaran royalti, premium dan caj lain bagi setiap pokok sama ada yang ditebang, digergaji, ditukar bentuk, dipungut atau dipindahkan di bawah sesuatu lesen mengikut kadar yang ditetapkan. Seksyen 60 (1) Akta 313 pula menetapkan bayaran ses pembangunan dikenakan ke atas hasil balak yang dikeluarkan daripada Hutan Simpan Kekal (HSK) dan Tanah Kerajaan mengikut kadar yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Akta 313 bagi tujuan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan. Hasil hutan merupakan salah satu sumber asli Negeri Pahang yang menyumbang antara 22.9% hingga 24.3% daripada sumber utama hasil pendapatan Kerajaan Negeri Pahang pada tahun 2014 hingga 2016. Hasil Hutan di Negeri Pahang bagi tempoh 2014 hingga 2016 adalah berjumlah RM261.51 juta.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac hingga Mei 2017 mendapati pengurusan hasil pembalakan adalah memuaskan dari segi kawalan pungutan hasil melalui sistem pendahuluan royalti dan ses dalam bentuk deposit kerja bagi mengelakkan tunggakan hasil. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibuat penambahbaikan. Antara kelemahan yang ditemui seperti berikut:
 - i. kadar premium dan deposit pembalakan yang dikenakan lewat diwartakan;
 - ii. penilaian ganti rugi pelupusan kayu rampasan bagi kesalahan hutan lebih rendah daripada harga pasaran;
 - iii. kelewatan pelaksanaan kerja pelupusan barang rampasan, penyediaan Laporan Penyata Penutupan Lesen, pemulangan deposit pembalakan dan pelarasan pemindahan kepada hasil royalti dan ses; dan
 - iv. Sistem Integrasi Maklumat Perhutanan (SIMP) tidak digunakan secara optimum.

- c. Bagi memastikan pengurusan hasil pembalakan dapat diurus dengan lebih cekap, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
- i. memastikan penggunaan kadar hasil pembalakan dan deposit diwartakan;
 - ii. memastikan kaedah pelupusan kayu rampasan bagi kesalahan hutan dapat memberi manfaat ekonomi kepada Kerajaan Negeri;
 - iii. menetapkan dan mematuhi norma kerja atau piagam pelanggan jabatan bagi tempoh masa kerja pelupusan barang rampasan, penyediaan Laporan Penyata Penutupan Lesen, pemulangan deposit pembalakan dan pelarasan pemindahan kepada hasil royalti dan ses; dan
 - iv. memastikan SIMP Versi 2 dapat digunakan secara menyeluruh dan dapat menjana laporan pengurusan hasil hutan.

KERAJAAN NEGERI PAHANG

2. Amanah Saham Pahang Berhad

- a. Amanah Saham Pahang Berhad (ASPA) merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Pahang yang ditubuhkan pada 21 Januari 1974 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal dibenarkan berjumlah RM70 juta dan modal berbayar berjumlah RM60.61 juta. ASPA ditubuhkan untuk memajukan perindustrian berdasarkan kayukayuan secara sistematis di negeri Pahang. Aktiviti utama ASPA adalah dalam bidang perhutanan dan industri perkayuan iaitu menguruskan kawasan hutan sebagai sumber utamanya dan menjamin pengekalan sumber tersebut bagi generasi akan datang dengan projek menanam semula dan memperkayakan kawasan hutan miliknya. Memandangkan sumber hutan telah berkurangan dan untuk mempelbagaikan aktiviti syarikat, ASPA turut melibatkan diri dalam industri perladangan kelapa sawit dan getah serta pengurusan saham amanah dan harta. Perladangan kelapa sawit kini menyumbang lebih 60% pendapatan ASPA. Pada masa ini empat ladang kelapa sawit telah dibuka di Sungai Jeram, Sungai Miang, Kampung Mikang dan Berabung yang kesemuanya seluas 7,284 hektar.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Jun 2017 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan ASPA bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah kurang memuaskan. Pada tahun 2014 dan 2015 keuntungan sebelum cukai masing-masing menurun kepada RM10.57 juta dan RM7.53 juta. Manakala pada tahun 2016, ASPA telah mencatatkan kerugian sebelum cukai sejumlah RM12 juta. Selain itu, pengurusan aktiviti adalah memuaskan dan selaras dengan objektif

penubuhan namun amalan tadbir urus kurang memuaskan. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh ASPA adalah seperti ringkasan berikut:

- i. prestasi pengeluaran Buah Tandan Segar Sawit secara puratanya adalah memuaskan pada tahun 2014 dan 2015 kerana mencapai sasaran 80%. Hanya tahun 2016 sahaja pencapaiannya kurang 80%;
 - ii. prestasi pendapatan aktiviti pembalakan tahun 2016 menunjukkan penurunan ketara iaitu sebanyak 80.7% berbanding tahun 2015; dan
 - iii. Rancangan Korporat dan KPI tidak disediakan bagi mengukur prestasi syarikat dalam mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang. Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan.
-
- c. Bagi memastikan objektif penubuhan ASPA dapat dicapai sepenuhnya, adalah disyorkan pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah ASPA mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan ini, pihak Audit mengesyorkan pihak yang terlibat memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:
 - i. memastikan langkah diambil bagi meningkatkan pengeluaran Buah Tandan Segar ladang kelapa sawit seperti penggunaan teknologi baru, anak benih dan baja yang berkualiti serta mengatasi kekurangan tenaga kerja dengan segera;
 - ii. memperluaskan lagi aktiviti perladangan kelapa sawit dan getah dengan menambah ladang baru memandangkan aktiviti pembalakan dan sumber hutan telah berkurangan bagi meningkatkan hasil pendapatan serta menyumbang kepada peningkatan sosio ekonomi negeri Pahang; dan
 - iii. mengkaji dan menyediakan pelan rancangan korporat jangka pendek dan jangka panjang dengan petunjuk prestasi yang jelas, mampu dicapai dan berdaya saing serta menukuhan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam bagi memastikan pematuhan dan keutuhan kawalan dalaman yang berkesan terhadap organisasi.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG

1. PENGURUSAN HASIL PEMBALAKAN

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Negeri Pahang mempunyai keluasan tanah seluas 3.60 juta hektar. Daripada keluasan tersebut, kawasan berhutan meliputi 2.07 juta hektar iaitu 58% daripada keseluruhan keluasan Negeri Pahang. Kedudukan ini menjadikan Negeri Pahang mempunyai kawasan hutan paling luas di Semenanjung Malaysia. Kawasan hutan simpan kekal meliputi 1.56 juta hektar iaitu 44% daripada keseluruhan Negeri Pahang.

1.1.2. Seksyen 3 Akta Perhutanan 1984 (Akta 313) membenarkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) melantik Pengarah Perhutanan dan pegawai Jabatan Perhutanan untuk mengurus hutan negeri. Kaedah-kaedah Hutan (KKH) 1987 menetapkan bayaran royalti, premium dan caj lain bagi setiap pokok sama ada yang ditebang, digergaji, ditukar bentuk, dipungut atau dipindahkan di bawah sesuatu lesen mengikut kadar yang ditetapkan. Seksyen 60 (1) Akta 313 pula menetapkan bayaran ses pembangunan dikenakan ke atas hasil balak yang dikeluarkan daripada Hutan Simpan Kekal (HSK) dan Tanah Kerajaan (TK) mengikut kadar yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Akta 313 bagi tujuan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

1.1.3. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) memainkan peranan untuk mengurus dan membangunkan sumber hutan secara berkekalan serta mengoptimumkan sumbangannya kepada pembangunan sosioekonomi negeri. JPNP diketuai oleh seorang Pengarah Perhutanan Negeri dan dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia, Bahagian Operasi Hutan, Bahagian Pembangunan Hutan dan Bahagian Pentadbiran Pejabat Hutan Daerah. Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia bertanggungjawab terhadap aktiviti perkhidmatan, pentadbiran, kewangan, kutipan hasil dan teknologi maklumat. Bahagian Pembangunan Hutan pula bertanggungjawab terhadap aktiviti pembangunan sumber asli, ladang hutan, sumber hutan, infrastruktur dan latihan. Bahagian Operasi Hutan terlibat dalam aktiviti pelesenan, permit, penguatkuasaan dan tugas khas. Manakala Bahagian Pentadbiran Pejabat Hutan Daerah (PHD) bertanggungjawab menyelia kerja di tujuh PHD.

1.1.4. Hasil hutan merupakan salah satu sumber asli Negeri Pahang yang menyumbang antara 22.9% hingga 24.3% daripada sumber utama hasil pendapatan Kerajaan Negeri Pahang pada tahun 2014 hingga 2016. Hasil Hutan di Negeri Pahang bagi tempoh 2014 hingga 2016 adalah berjumlah RM261.51 juta. Jumlah hasil hutan mengikut tahun adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 1.1
HASIL HUTAN BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN	KUTIPAN HASIL HUTAN (RM Juta) (A)	SES PEMBANGUNAN (RM Juta) (B)	JUMLAH PUNGUTAN (RM Juta) (C)	HASIL UTAMA NEGERI (RM Juta) (D)	PERATUS KUTIPAN HASIL HUTAN BERBANDING HASIL UTAMA NEGERI (%) (D = A/D X100)
2014	77.71	20.81	98.53	340.17	22.9
2015	88.10	19.65	107.75	399.73	22.0
2016	95.70	22.25	117.94	393.42	24.3
JUMLAH	261.51	62.71	324.22	1,133.32	23.1

Sumber: Penyata Kewangan Negeri Pahang

1.1.5. Pada tahun 2003, pengauditan pengurusan dan kawalan pembalakan telah dijalankan di JPNP serta dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). Penemuan yang dilaporkan antaranya ialah kadar premium tidak dinyatakan dengan jelas bagi pembalakan di kawasan perjanjian, kadar premium dan royalti tidak memenuhi nilai semasa bagi tanggungan kos oleh Kerajaan Negeri untuk mengurus dan menyenggara sumber hutan negeri dan kawalan serta pemantauan aktiviti penguatkuasaan perlu ditingkatkan.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai pengurusan hasil pembalakan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan.

1.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi empat bidang utama (*Key area*) iaitu prestasi kutipan hasil, kaedah pelaksanaan, pengurusan rekod dan sistem maklumat serta keperluan guna tenaga. Pengauditan dijalankan terhadap pengurusan hasil pembalakan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 melibatkan kutipan premium, royalti, deposit, ses dan kesalahan hutan. Sebanyak 190 fail lesen pengusaha silian atau 16.5% telah dipilih daripada 1,155 bilangan pelesen yang dikeluarkan melibatkan semua daerah sebagai sampel Audit. Pihak Audit telah membuat lawatan ke tiga Balai Pemeriksaan Hutan (BPH) dan dua kawasan lesen pembalakan di bawah seliaan dua daripada tujuh PHD. Lawatan Audit juga dibuat di dua daripada tiga stor simpanan barang sitaan.

1.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan dengan hasil hutan serta membuat analisis terhadap data dalam Sistem Integrasi Maklumat Perhutanan (SIMP). Perbincangan dan temu bual telah diadakan dengan pegawai yang terlibat bagi mendapatkan maklumat tambahan. Pengauditan dijalankan di JPNP, PHD Kuantan, PHD Jerantut, BPH Pekan, BPH Sungai Lembing dan BPH Jerantut Feri serta dua stor simpanan barang sitaan iaitu di Ladang Hutan Kemasul dan Tapak Semaian Kemunting. Pengurusan hasil pembalakan adalah tertakluk kepada Akta 313, KKH 1987 dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang.

1.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac hingga Mei 2017 mendapati pengurusan hasil pembalakan adalah memuaskan dari segi kawalan pungutan hasil melalui sistem pendahuluan royalti dan ses dalam bentuk deposit kerja bagi mengelakkan tunggakan hasil. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibuat penambahbaikan. Antara kelemahan yang ditemui seperti berikut:

- i. kadar premium dan deposit pembalakan yang dikenakan lewat diwartakan;
- ii. penilaian ganti rugi pelupusan kayu rampasan bagi kesalahan hutan lebih rendah daripada harga pasaran;
- iii. kelewatan pelaksanaan kerja pelupusan barang rampasan, penyediaan Laporan Penyata Penutupan Lesen, pemulangan deposit pembalakan dan pelarasan pemindahan kepada hasil royalti dan ses; dan
- iv. Sistem Integrasi Maklumat Perhutanan (SIMP) tidak digunakan secara optimum.

Perkara yang ditemui dan maklum balas JPNP bertarikh 21 Julai 2017 dan 17 Oktober 2017 adalah seperti perenggan berikut:

1.5.1. Prestasi Hasil Pembalakan

1.5.1.1. JPNP telah menyediakan anggaran dan menyasarkan pungutan hasil hutan sebenar pada setiap tahun. Anggaran pungutan hasil hutan dibuat berdasarkan anggaran kutipan bagi catuan tebangan tahunan iaitu lebih kurang 13,000 hektar dan prestasi kutipan hasil sebenar pada tahun-tahun sebelumnya. Jumlah hasil hutan JPNP yang dikutip ialah RM261.51 juta atau 76% berbanding dengan anggaran belanjawan hasil hutan dikutip iaitu RM343.88 juta bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Butiran lanjut adalah seperti Jadual berikut:

JADUAL 1.2
PRESTASI PUNGUTAN HASIL HUTAN BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016

BUTIRAN HASIL HUTAN	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Premium dan Gantirugi	49.87	63.44	67.23	180.54
Royalti	23.50	21.37	24.58	69.45
Bayaran Jabatan Hutan	2.85	1.44	1.99	6.28
Permit	0.62	0.79	0.99	2.40
Rampasan lucutan	0.39	0.44	0.40	1.23
Lesen Hutan	0.40	0.38	0.41	1.20
Jualan Barang	0.08	0.24	0.10	0.41
JUMLAH HASIL HUTAN SEBENAR (RM Juta)	77.71	88.10	95.70	261.51
ANGGARAN HASIL HUTAN (RM Juta)	130.00	98.18	115.70	343.88
PENCAPAIAN HASIL KUTIPAN HUTAN BERBANDING ANGGARAN HASIL HUTAN (%)	59.8	89.7	82.7	76.0

Sumber: Penyata Kewangan Negeri Pahang

1.5.1.2. Hasil analisis Audit terhadap **Jadual 1.2**, mendapati kutipan hasil hutan meningkat dengan kadar 13.4% pada tahun 2015 iaitu sejumlah RM88.1 juta atau berbanding RM59.8 juta pada tahun 2014 disebabkan peningkatan yang ketara bagi hasil premium dan ganti rugi. Peningkatan kutipan hasil juga berlaku pada tahun 2016 dengan kadar 8.6% iaitu sejumlah RM95.7 juta berbanding RM88.1 juta pada tahun 2015 disebabkan peningkatan yang ketara bagi hasil premium dan ganti rugi serta royalti.

1.5.1.3. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 jumlah lesen dikeluarkan berjumlah 1,155 lesen meliputi 112,271 hektar melibatkan hutan simpan kekal, tanah Kerajaan dan tanah milik. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 1.3
PENGELUARAN LESEN PEMBALAKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN	HUTAN SIMPAN KEKAL				TANAH KERAJAAN		TANAH MILIK		JUMLAH LESEN	LUAS KAWASAN (Hektar)		
	CATUAN TEBANGAN TAHUNAN		PROJEK PEMBANGUNAN		BIL. LESEN	LUAS (Hektar)	BIL. LESEN	LUAS (Hektar)				
	BIL. LESEN	LUAS (Hektar)	BIL. LESEN	LUAS (Hektar)								
2014	122	13,601	54	8,614	180	12,151	27	604	383	34,970		
2015	119	13,627	82	10,839	157	9,672	28	339	386	34,477		
2016	132	13,678	109	17,283	127	10,701	18	1,162	386	42,824		
JUMLAH	373	40,906	245	36,736	464	32,524	73	2,105	1,155	112,271		

Sumber: JPNP

1.5.1.4. Berdasarkan **Jadual 1.3**, peningkatan keluasan kawasan lesen pembalakan sebanyak 8,347 hektar melibatkan projek pembangunan, tanah Kerajaan dan tanah milik telah menyumbang kepada peningkatan hasil hutan

pada tahun 2016 melibatkan kawasan lesen pembalakan seluas 42,824 hektar berbanding tahun 2015 seluas 34,477 hektar.

Maklum Balas JPNP yang Diterima pada 21 Julai 2017

JPNP memaklumkan bahawa sasaran kutipan hasil yang ditetapkan oleh PBN sebanyak RM130 juta iaitu melebihi 33.42% berbanding dengan anggaran kutipan hasil JPNP pada tahun 2014. Oleh itu pada tahun 2015, PBN telah menurunkan sasaran hasil tahunan kepada RM98.18 juta. Hasil pembalakan turut dipengaruhi oleh faktor luar jangka seperti harga pasaran, permintaan pengeluaran kayu dan cuaca (banjir besar pada tahun 2014 dan 2015).

Pada pendapat Audit prestasi kutipan hasil hutan adalah memuaskan kerana mencapai 76% berbanding anggaran belanjawan hasil JPNP.

1.5.2. Pewartaan Kadar Hasil dan Deposit Pembalakan

Seksyen 40 Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang menetapkan sebarang cukai atau bayaran tidak boleh dikenakan oleh Negeri bagi maksud Negeri kecuali dengan atau menurut kuasa undang-undang. Manakala Seksyen 32 Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang menetapkan tiap-tiap Rang Undang-undang, selain daripada Rang Undang-undang Persendirian, hendaklah diisyiharkan dalam Warta Kerajaan bagi pengetahuan am sekurang-kurangnya 14 hari terlebih dahulu daripada dikemukakan dalam Dewan Negeri. Semakan Audit terhadap pewartaan kadar hasil dan deposit melibatkan hasil premium, deposit, ses pembangunan mendapati perkara berikut:

1.5.2.1. Kadar Hasil Premium

- a. Jadual Ketiga KKH 1987 menetapkan kadar premium bagi kawasan perjanjian hutan dara ialah RM1,000 sehektar setahun. Manakala bagi kawasan perjanjian sudah dibalak, kawasan pemberian/kelulusan khas dan kawasan sudah bebas, kadar ditetapkan adalah mengikut nilaiang jabatan. Pada 4 Ogos 2004, MMKN ke-20/2004 telah bersetuju agar kadar premium pembalakan di Jadual Ketiga KKH 1987 dipinda kepada RM1,000 seekar (RM2,470 sehektar) setahun atau kadar yang ditetapkan oleh PBN bagi kawasan perjanjian hutan dara. Manakala bagi kawasan perjanjian hutan sudah dibalak, kawasan pemberian/kelulusan khas dan kawasan sudah bebas, kadar ditetapkan mengikut nilaiang jabatan atau yang ditetapkan oleh PBN.

- b. Semakan Audit terhadap kesemua 190 sampel lesen mendapati kadar premium yang digunakan berdasarkan kategori kawasan pembalakan adalah mengikut keputusan MMKN ke-20/2004, bagaimanapun kadar tersebut lewat diwartakan sehingga bulan Ogos 2017.
- c. Berdasarkan maklum balas PUU Negeri, cadangan untuk meminda KKH dan mewartakannya secara kebelakangan bagi membolehkan kutipan dibuat terhadap premium mulai tahun 2004 boleh dilaksanakan dan tidak bercanggah dengan undang-undang.

Maklum Balas JPNP yang Diterima pada 21 Julai 2017

JPNP memaklumkan bahawa berdasarkan semakan didapati JPNP pernah menghantar draf warta kadar hasil premium berdasarkan keputusan MMKN ke-20/2004 kepada Penasihat Undang-undang (PUU) Negeri pada 20 Disember 2004 (Rujukan fail PHN.PHG.(R) 7/97/03131 KLT.2(22). JPNP menghantar semula draf warta tersebut kepada PUU pada 19 Jun 2017.

Maklum Balas JPNP yang Diterima pada 17 Oktober 2017

JPNP memaklumkan bahawa MMKN ke-24/2017 bertarikh 16 Ogos 2017 bersetuju mewartakan kadar hasil premium berdasarkan keputusan MMKN ke-20/2004 melalui KKH (Pindaan) 2017 berkuat kuasa 1 Januari 2005 dan disiar warta pada 28 September 2017.

Pada pendapat Audit, pewartaan kadar premium lesen pembalakan yang dikenakan adalah tidak memuaskan kerana kadar tersebut lewat diwartakan bagi tempoh tahun 2004 hingga bulan Ogos 2017.

1.5.2.2. Kadar Royalti Kayu Balak

- a. Seksyen 61 Akta 313 menetapkan royalti semua hasil hutan perlu dibayar kepada PBN mengikut kadar yang ditetapkan dalam senarai kadar royalti sebagaimana disiarkan dalam Warta oleh PBN.
- b. Kadar royalti balak dan keluaran hasil hutan lain dikenakan mengikut Jadual Kedua KKH 1987. Kadar yang dikenakan adalah antara RM6 hingga RM19 bagi satu meter padu kayu bulat. Kadar tersebut telah dipinda pada tahun 1997 melalui Warta Phg.P.U.6/1997 iaitu antara RM6 hingga RM147. Namun begitu, keputusan MMKN ke-7/1997 bertarikh 5 Mei 1997 dan MMKN ke-12/1998 bertarikh 22 Julai 1998 telah bersetuju menangguhkan penguatkuasaan kadar baharu cukai balak selama satu tahun lagi dan penguatkuasaannya akan dikaji semula.

- c. Pihak Audit mendapati tiada tindakan kajian semula dibuat selepas tempoh satu tahun seperti yang telah dipersetujui oleh keputusan MMKN ke-12/1998. Pewartaan penangguhan kadar tersebut juga tidak dilaksanakan. Bagaimanapun, MMKN ke-27/2016 bertarikh 17 Ogos 2016 telah bersetuju bagi menyelaraskan kadar baharu royalti kayu balak seperti Jadual Kedua (Pindaan 2016) KKH 1987 yang diwartakan melalui Warta Phg. P.U.43/2017 iaitu antara RM7 hingga RM21 bagi satu meter padu kayu bulat.
- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati kadar royalti kayu balak yang dikenakan bagi 190 sampel fail lesen pengusahasilan bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah mengikut Jadual Kedua KKH 1987.

Maklum Balas JPNP yang Diterima pada 21 Julai 2017

JPNP memaklumkan bahawa kajian semula kadar royalti kayu balak telah dibuat pada tahun 2016 diwartakan melalui Warta Pahang P.U.43/2017 berkuatkuasa 1 Januari 2017.

Pada pendapat Audit, pewartaan kadar royalti kayu balak adalah tidak memuaskan kerana kegagalan JPNP mengkaji semula penguatkuasaan Warta Pahang P.U.6/1997 seperti yang diputuskan MMKN ke-12/1998 dalam tempoh satu tahun menyebabkan hasil royalti kayu balak masih menggunakan kadar yang rendah selama 18 tahun iaitu bagi tempoh tahun 1998 hingga 2016.

1.5.2.3. Kadar Deposit Lesen Pembalakan

- a. Mengikut Jadual Kedua KKH 1987 deposit kelulusan pembalakan bagi hutan dara ialah RM50 sehektar, hutan sudah dibalak dan ladang hutan ialah RM25 sehektar. MMKN ke-52/1993 bertarikh 11 Ogos 1993 bersetuju menetapkan kadar deposit lesen pembalakan sebanyak RM150 sehektar bagi hutan simpan dan RM100 sehektar bagi hutan sudah dibalak atau RM5,000 mengikut mana yang lebih tinggi. MMKN ke-2/2004 bertarikh 14 Januari 2004 telah bersetuju menetapkan kadar deposit bagi hutan simpan ialah RM250 sehektar, manakala deposit hutan tanah kerajaan dan tanah milik ialah RM200 sehektar atau RM15,000 mengikut mana yang lebih tinggi. Didapati keputusan MMKN pada tahun 1993 dan 2004 tersebut lewat diwartakan sehingga Ogos 2017.
- b. Semakan Audit terhadap 190 sampel fail lesen pengusahasilan bagi tahun 2014 hingga 2016 mendapati JPNP tidak menggunakan kadar deposit

kelulusan pembalakan yang telah diluluskan oleh MMKN ke-2/2004. Kadar yang digunakan ialah RM150 sehektar untuk hutan simpan dan RM100 sehektar untuk hutan tanah kerajaan dan tanah milik berdasarkan kelulusan MMKN ke-52/1993. Pihak Audit mendapati tiada keputusan MMKN bagi penangguhan kenaikan kadar deposit pada tahun 2004.

Maklum Balas JPNP yang Diterima pada 21 Julai 2017

JPNP memaklumkan bahawa draf warta kadar deposit berdasarkan keputusan MMKN ke-52/1993 telah dihantar kepada PUU Negeri pada 19 Jun 2017 (Rujukan Fail PHN.PHG.(S)16/12/0192). JPNP juga akan mengemukakan kertas cadangan permohonan membatalkan keputusan MMKN ke-2/2004 kerana ia tidak diguna pakai.

Maklum Balas PUU Negeri yang Diterima pada 04 Ogos 2017

PUU Negeri memaklumkan bahawa cadangan untuk meminda KKH dan mewartakannya secara kebelakangan bagi membolehkan kutipan dibuat terhadap deposit mulai tahun 1993 boleh dilaksanakan dan tidak bercanggah dengan undang-undang.

Maklum Balas JPNP yang Diterima pada 17 Oktober 2017

JPNP memaklumkan bahawa MMKN ke-24/2017 bertarikh 16 Ogos 2017 bersetuju mewartakan kadar deposit pembalakan berdasarkan keputusan MMKN ke-52/1993 melalui KKH (Pindaan) 2017 berkuat kuasa 1 September 1993 dan disiar warta pada 28 September 2017.

Pada pendapat Audit, perwartaan kadar deposit lesen pembalakan tidak memuaskan kerana kadar deposit yang dikenakan adalah berdasarkan keputusan MMKN pada tahun 1993 yang lewat diwartakan sehingga bulan Ogos 2017.

1.5.3. Penguatkuasaan

1.5.3.1. Hasil Pelupusan Kayu Rampasan

- a. MMKN ke-4/2007 bertarikh 7 Februari 2007 bersetuju meluluskan permohonan untuk melupuskan kayu-kayu balak yang ditebang secara haram kepada Amanah Saham Pahang Berhad (ASPA) dengan bayaran mengikut harga pasaran semasa dan syarat-syarat lain kelulusan yang akan ditentukan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Pahang. Selain itu, diputuskan kayu tersebut tidak boleh dilupuskan secara lelong oleh pihak SPA,

sebaliknya kayu-kayu berkenaan hendaklah dibawa ke kilang ASPA sahaja untuk diproses.

- b. Pihak Audit mendapati bayaran pelupusan kayu balak ditentukan berdasarkan jadual kadar harga kayu balak mengikut spesis dan ukuran saiz kayu yang dikeluarkan oleh ASPA. Berdasarkan rekod senarai bayaran ganti rugi kayu rampasan yang diselenggarakan oleh ASPA, pihak Audit mendapati tiada bayaran ganti rugi dibuat oleh ASPA bagi kesalahan hutan pada tahun 2014. Manakala bayaran ganti rugi bagi tahun 2015 dan 2016 berjumlah RM179,500 dan RM366,500.
- c. Semakan Audit ke atas sepuluh daripada 45 kes pelupusan kayu balak terhadap kesalahan hutan bagi tempoh tahun 2014 hingga Mac 2017 mendapati anggaran ganti rugi kiraan JPNP berdasarkan senarai jadual harga mengikut spesis dan saiz kayu yang ditentukan oleh ASPA adalah berjumlah RM0.55 juta. Manakala kiraan harga pasaran berdasarkan senarai purata jadual harga terendah per tan kayu mengikut spesis dan saiz berukuran 13 inci hingga 17 inci tahunan yang dikeluarkan oleh LPKM Negeri Pahang adalah berjumlah RM1.04 juta. Didapati anggaran ganti rugi kiraan JPNP adalah RM0.49 juta atau 47.1% lebih rendah berbanding kiraan harga LPKM. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.4
PELUPUSAN KAYU RAMPASAN**

BIL.	TARIKH SURAT TAWARAN PELUPUSAN/ DAERAH (A)	NO. RESIT/ TARIKH BAYARAN GANTI RUGI OLEH ASPA (B)	ANGGARAN GANTI RUGI KIRAAN JPNP * (RM) (C)	BAYARAN GANTI RUGI OLEH ASPA (RM) (D)	HARGA PASARAN LPKM ** (RM) (E)	PERATUSAN ANGGARAN GANTI RUGI OLEH JPNP LEBIH RENDAH BERBANDING HARGA PASARAN LPKM (%) [C/EX100]	PERATUSAN BAYARAN GANTI RUGI OLEH ASPA LEBIH RENDAH BERBANDING HARGA ANGGARAN GANTI RUGI OLEH JPNP (%) [D/CX100]
1.	16.03.2015 Kuantan	R00004340 22.07.2016	67,589	8,500	109,627	61.7	12.6
2.	18.06.2015 Kuantan	R00004340 22.07.2016	196,335	94,500	422,247	46.5	48.1
JUMLAH YANG TELAH DIBAYAR			263,924	103,000	531,874	49.6	39.0
1.	13.07.2015 Kuantan	Belum Dibayar	2,868	-	5,901	48.6	-
2.	21.01.2016 Kuantan	Belum Dibayar	Tiada Maklumat	-	77,050	-	-
3.	22.01.2016 Kuantan	Belum Dibayar	7,641	-	13,054	58.5	-
4.	23.02.2016 Jerantut	Belum Dibayar	36,189	-	36,235	99.9	-
5.	10.03.2016 Jerantut	Belum Dibayar	44,180	-	69,138	63.9	-
6.	31.03.2016 Jerantut	Belum Dibayar	175,173	-	240,937	72.7	-
7.	28.10.2016 Kuantan	Belum Dibayar	10,509	-	47,038	22.3	-

BIL.	TARIKH SURAT TAWARAN PELUPUSAN/ DAERAH (A)	NO. RESIT/ TARIKH BAYARAN GANTI RUGI OLEH ASPA (B)	ANGGARAN GANTI RUGI KIRAAN JPNP * (RM) (C)	BAYARAN GANTI RUGI OLEH ASPA (RM) (D)	HARGA PASARAN LPKM ** (RM) (E)	PERATUSAN ANGGARAN GANTI RUGI OLEH JPNP LEBIH RENDAH BERBANDING HARGA PASARAN LPKM (%) [C/EX100]	PERATUSAN BAYARAN GANTI RUGI OLEH SPA LEBIH RENDAH BERBANDING HARGA ANGGARAN GANTI RUGI OLEH JPNP (%) [D/CX100]
8.	30.03.2017 Kuantan	Belum Dibayar	10,895	-	16,305	66.8	-
JUMLAH BELUM DIBAYAR		287,455	-	505,658	56.8	-	
JUMLAH KESELURUHAN/ PURATA PERATUS		551,379	103,000	1,037,532	53.1	18.7	

Sumber: JPNP dan LPKM Negeri Pahang

Nota:

* - Pengiraan Anggaran Ganti Rugi Kiraan JPNP berdasarkan senarai harga terendah per meter padu oleh SPA.

** - Pengiraan Harga Pasaran LPKM berdasarkan harga terendah per tan.

- Hasil analisis Audit seperti di **Jadual 1.4**, mendapati jumlah bayaran ganti rugi yang dibayar oleh SPA melibatkan dua kes berjumlah RM103,000 atau 39.0% lebih rendah berbanding anggaran ganti rugi kiraan JPNP berdasarkan harga SPA berjumlah RM263,924. Walaupun anggaran ganti rugi berdasarkan harga SPA tersebut adalah 49.6% lebih rendah berbanding harga pasaran yang dikeluarkan oleh LPKM berjumlah RM531,874. Sehingga tarikh pengauditan, pihak SPA masih belum membuat bayaran ganti rugi bagi 8 kes dengan anggaran ganti rugi berdasarkan harga SPA berjumlah RM287,455 iaitu 56.8% lebih rendah berbanding harga pasaran yang dikeluarkan oleh LPKM berjumlah RM505,658.
- Analisis Audit juga mendapati purata peratusan bayaran ganti rugi oleh SPA kepada JPNP berjumlah RM103,000 iaitu 18.7% lebih rendah berbanding harga anggaran ganti rugi kiraan JPNP berdasarkan harga SPA berjumlah RM1.04 juta. Didapati juga, harga anggaran ganti rugi kiraan JPNP berdasarkan harga SPA adalah 53.1% lebih rendah berbanding harga pasaran yang dikeluarkan oleh LPKM.
- Selain itu, pihak Audit mendapati lejar pelupusan kayu balak kepada SPA tidak diselenggarakan oleh pihak JPNP. Didapati juga, tiada kod perakaunan yang khusus untuk merekodkan Hasil Kesalahan Hutan (Bayaran Kayu Rampasan). JPNP telah mengklasifikasikan bayaran kayu rampasan Hasil Kesalahan Hutan (Bayaran Kayu Rampasan) sebagai Premium Pembalakan di bawah kod 73701.

Maklum Balas JPNP yang Diterima pada 21 Julai 2017

JPNP memaklumkan bahawa penggunaan kadar harga berdasarkan harga ASPA berorientasikan harga tempatan yang mengambil kira pelbagai saiz kayu mengikut julat harga melebihi 15 sentimeter hingga 60 sentimeter berbanding harga LPKM yang hanya menyenaraikan harga kayu balak diameter yang melebihi 60 sentimeter. Selain itu, harga ASPA menyenaraikan 93 spesis berpasaran atau kurang berpasaran berbanding harga LPKM yang menyenaraikan harga spesis berpasaran mengikut pengelasan kekerasan kayu. JPNP juga telah mengemukakan surat tuntutan tunggakan bayaran ganti rugi kepada pihak ASPA pada 19 Jun 2017 (Rujukan Fail: PHN.PHG.400-3/9(57). JPNP akan membuat lejar pelupusan kayu balak kepada ASPA setelah mendapat kelulusan penggunaan kod hasil bayaran kayu rampasan daripada Akauntan Kewangan Negeri.

Maklum Balas JPNP yang Diterima pada 17 Oktober 2017

JPNP memaklumkan bahawa JPNP telah mengesyorkan kaedah pelupusan kayu rampasan tidak hanya dilupuskan kepada ASPA tetapi juga dibuat secara lelongan awam dan sebut harga terbuka atau mana-mana kaedah yang menguntungkan Kerajaan Negeri. Sebagai contoh cabutan keputusan MMKN ke-25/2017 bertarikh 13 September 2017 bersetuju agar kaedah pelupusan kayu rampasan bagi kes pencerobohan hutan (Laporan Polis: K KRAU/00439/17) dilaksanakan secara lelong.

Pada pendapat Audit, penguatkuasaan bagi pelupusan kayu rampasan bagi tempoh 2014 hingga bulan September 2017 tidak memuaskan kerana JPNP mendapat bayaran ganti rugi yang rendah berbanding harga pasaran dan memberi kesan kepada kekurangan hasil Kerajaan Negeri.

1.5.3.2 Pengurusan Barang Rampasan

- a. Mengikut Seksyen 94 (1) Akta 313 menetapkan barang yang disita atas kesalahan hutan boleh dikenakan lucut hak. Seksyen 94 (3) Suatu perintah bagi melucut hak hendaklah dibuat di mahkamah dan Seksyen 94 (2) menjelaskan jika tidak ada berlaku pendakwaan atas sitaan benda itu hendaklah diambil dan disifatkan terlucut hak apabila tamat tempoh satu bulan kalender dari tarikh penyitaan itu melainkan jika sebelum tarikh itu berlaku sebarang tuntutan daripada pemunya benda dan mahkamah. Seksyen 94 (6) Akta 313, Jika benda yang disita adalah jenis mudah rosak atau reput yang cepat dan semula jadi atau penjagaan benda itu melibatkan perbelanjaan dan kesulitan yang tidak

munasabah, Pengarah boleh mengarahkan supaya benda itu dijual pada bila-bila masa dan hasil jualan itu dipegang bagi mematuhi keputusan apa-apa pendakwaan atas tuntutan kesalahan hutan ini.

- b. Pihak Audit mendapati, JPNP mempunyai tiga stor simpanan barang/rampasan barang kes menyimpan jentera, kenderaan, mesin dan lain peralatan yang disita atas pelbagai kesalahan hutan iaitu di Kemunting, Kuantan; Kemasul, Mentakab; dan Tersang, Lipis. Lawatan fizikal Audit pada bulan Mac dan April 2017 ke Stor Barang Rampasan Ladang Hutan Kemasul dan Stor Tapak Semaian Kemunting mendapati kebanyakan jentera dan barang rampasan mengalami rosot nilai yang ketara kerana keadaan fizikal telah rosak dan usang. Contoh jentera yang mempunyai tempoh tunggakan lama yang melebihi sepuluh tahun adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 1.1



Stor Barang Rampasan di Ladang Hutan Kemasul
- Kenderaan Rampasan yang Belum Dilupuskan bagi
Sitaan Kes Tahun 2005
(22.03.2017)

GAMBAR 1.2



Stor Barang Rampasan di Ladang Hutan Kemasul
- Kenderaan dan Jentera Rampasan yang Belum
Dilupuskan bagi Sitaan Kes Tahun 2006
(22.03.2017)

GAMBAR 1.3



Stor Barang Rampasan di Ladang Hutan Kemasul
- Jentera Rampasan yang Belum Dilupuskan bagi
Sitaan Kes Tahun 2008
(22.03.2017)

GAMBAR 1.4



Stor Barang Rampasan di Tapak Semaian Kemunting
- Kenderaan Rampasan yang Belum Dilupuskan bagi
Sitaan Kes Tahun 2006
(17.04.2017)

GAMBAR 1.5



Stor Barang Rampasan di Tapak Semaian Kemunting
- Jentera Rampasan yang Belum Dilupuskan bagi
Sitaan Kes Tahun 2007
(17.04.2017)


GAMBAR 1.6



Stor Barang Rampasan di Tapak Semaian Kemunting
- Kenderaan Rampasan yang Belum Dilupuskan bagi
Sitaan Kes Tahun 2009
(17.04.2017)

- c. Sebanyak 38 daripada 152 barang rampasan yang didaftarkan di Stor Ladang Kemasul dan Tapak Semaian Kemunting tidak mempunyai maklumat kes tahun sitaan. Pihak Audit mendapati bagi tempoh pengumuran satu hingga lima tahun, jumlah bilangan barang rampasan adalah 26 barang. Tempoh pengumuran enam hingga sepuluh tahun adalah 61 barang. Manakala bagi pengumuran barang rampasan melebihi sepuluh tahun ialah 27 barang. Butiran pengumuran barang rampasan adalah seperti carta berikut:

CARTA 1.1
PENGUMURAN BARANG RAMPASAN KES DI STOR SIMPANAN



Sumber: JPNP

- Analisis Audit terhadap **Carta 1.1** menunjukkan bilangan barang rampasan paling tinggi di Stor Ladang Hutan Kemasul adalah bagi tempoh enam hingga sepuluh tahun iaitu sebanyak 50 barang dan yang paling rendah adalah bagi tempoh melebihi sepuluh tahun iaitu 18 barang.
- Analisis Audit juga mendapati bilangan barang rampasan paling tinggi di Stor Tapak Semaian Kemunting adalah bagi tempoh enam hingga sepuluh tahun iaitu sebanyak 11 barang dan yang paling rendah adalah bagi tempoh satu hingga lima tahun iaitu satu barang.

- Berdasarkan pengiraan Audit, anggaran nilai jualan barang rampasan bagi Stor di Tapak Semaian Kemunting dan Stor di Ladang Hutan Kemasul masing-masing berjumlah RM351,500 dan RM0.59 juta jika sekiranya dijual dalam tempoh setahun selepas sitaan.

Maklum Balas JPNP yang Diterima pada 21 Julai 2017

JPNP memaklumkan bahawa berdasarkan maklum balas PUU Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia pada 13 Oktober 2016, keputusan lucut hak kepada Pengarah JPNP oleh mahkamah perlu diperoleh bagi membolehkan kaedah pelupusan dijalankan bagi jentera yang tidak mempunyai sebarang rekod kesalahan dan rekod pemilikan. Sehubungan itu mesyuarat bersama pihak Jabatan Pengangkutan Jalan Raya Negeri Pahang, Jabatan Kimia Negeri Pahang dan PUSPAKOM telah diadakan pada 10 November 2016 bagi membincangkan kaedah yang membolehkan pemilik jentera berkenaan dikenal pasti. Jabatan Kimia Negeri Pahang masih dalam proses pengecaman nombor casis dan enjin jentera sebelum tindakan selanjutnya diambil. Sehingga kini, sebanyak enam pemilik jentera telah dikenal pasti.

Pada pendapat Audit, pengurusan barang rampasan bagi jentera dan kenderaan adalah tidak memuaskan kerana barang rampasan disimpan melebihi lima tahun dan ke atas serta masih belum dilupuskan mengakibatkan rosot nilai barang rampasan dengan anggaran kerugian berjumlah RM0.94 juta.

1.5.4. Tempoh Masa Kerja Kutipan Hasil Pembalakan

JPNP bertanggungjawab untuk menyelenggara proses kerja pengurusan hasil pembalakan seperti kerja penyediaan Laporan Penyata Penutupan Lesen, pemulangan deposit pembalakan dan pelarasan pemindahan kepada hasil royalti dan ses. Semakan Audit terhadap tempoh masa kerja tersebut mendapati perkara seperti berikut:

1.5.4.1. Penyediaan Laporan Penyata Penutupan Lesen

- a. Seksyen 63 (1) dan (2) Akta 313 menetapkan pemeriksaan kawasan lesen oleh pegawai hutan dibuat dalam tempoh tiga bulan dari tempoh tamatnya lesen bagi membuat taksiran hasil hutan yang tidak dipindahkan atau yang rosak sebanyak amaun hingga tiga kali ganda royalti, premium dan ses.

- b. Semakan Audit terhadap 163 sampel lesen mendapati sebanyak 21 sampel atau 13% telah menyediakan Laporan Penyata Penutupan Lesen dalam tempoh tiga bulan. Manakala sebanyak 71 atau 44% disediakan antara empat hingga 20 bulan. Semakan lanjut juga mendapati sehingga 1 Mac 2017 sebanyak 71 sampel lesen atau 43% masih belum menyediakan Laporan Penyata Penutupan Lesen walaupun tempoh lesen telah tamat antara satu hingga 34 bulan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 1.5
TEMPOH MASA PENYEDIAAN LAPORAN PENYATA
PENUTUPAN LESEN DARI TARikh TAMAT TEMPOH LESEN

BUTIRAN	TEMPOH MASA (Bulan)						JUMLAH SAMPEL
	1 - 3	4 - 6	7 - 9	10 - 12	> 13	BELUM SEDIA	
Bilangan Sampel	21	22	16	13	20	71	163

Sumber: JPNP

Maklum Balas JPNP yang Diterima pada 21 Julai 2017

JPNP memaklumkan bahawa kelewatan dalam penyediaan Laporan Penyata Penutupan Lesen disebabkan beberapa kekangan seperti kekurangan kakitangan, kebolehsampaian ke kawasan lesen dan kewangan serta masa. Berdasarkan laporan tahun 2015, JPNP hanya boleh menyiapkan dengan purata 280 Laporan Penyata Penutupan Lesen sahaja berbanding 350 laporan setahun yang perlu disiapkan dengan keupayaan sumber tenaga seramai 700 orang dan juga bebanan tugas lain.

Pada pendapat Audit, tempoh masa penyediaan laporan penyata penutupan lesen adalah tidak memuaskan kerana berlaku kelewatan menyebabkan deposit pembalakan lewat dipulangkan kepada pelesen.

1.5.4.2. Pulangan Deposit Pembalakan

- a. Deposit merupakan wang yang diterima oleh sesebuah Jabatan bagi sesuatu maksud mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Arahan Perbendaharaan 162 menetapkan deposit yang tidak dituntut selepas 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan hendaklah diberitahu dalam Warta Kerajaan. Jika deposit itu masih tidak dituntut dalam masa tiga bulan selepas pemberitahuan itu maka ia hendaklah dikredit kepada hasil. Pegawai Penjaga Akaun bertanggungjawab menentukan pemberitahuan itu diwartakan.
- b. Semakan Audit terhadap 111 sampel Laporan Penyata Penutupan Lesen yang telah disediakan oleh PHD mendapati sebanyak enam sampel atau 5%

daripada deposit telah dipulangkan dalam tempoh satu hingga 30 hari. Sebanyak 24 sampel atau 22% deposit dipulangkan dalam tempoh 31 hari hingga 421 hari. Manakala 81 sampel deposit lagi masih belum dibuat pulangan walaupun laporan tersebut telah disediakan antara satu hingga 840 hari. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.6
TEMPOH MASA PULANGAN DEPOSIT DARI
TARIKH LAPORAN PENYATA PENUTUPAN LESEN DISEDIAKAN**

BUTIRAN	TEMPOH MASA (Hari)						JUMLAH SAMPEL
	1 - 30	31 - 60	61 - 90	90 - 120	> 121	PULANGAN DEPOSIT BELUM DIBUAT	
Bilangan Sampel	6	5	5	4	10	81	111

Sumber: JPNP

Maklum Balas JPNP yang Diterima pada 21 Julai 2017

JPNP memaklumkan bahawa JPNP sentiasa mengemas kini rekod pemulangan deposit selepas Laporan Penyata Penutupan disediakan. Bagaimana pun, pendeposit tidak memberi maklum balas terhadap surat peringatan tuntutan deposit yang dikeluarkan oleh JPNP. Untuk makluman pada 26 November 2016, JPNP telah mengkredit deposit tidak dituntut bagi 29 lesen yang dikeluarkan pada tahun 1970 hingga 1989 berjumlah RM244,180.

Maklum Balas JPNP yang Diterima pada 17 Oktober 2017

JPNP memaklumkan bahawa JPNP telah menghantar senarai pendeposit yang melebihi 12 bulan kepada Kewangan Negeri bagi tujuan pewartaan deposit pada 13 Oktober 2017 (Rujukan Fail PHN.PHG.400-6/4 Jld.1 (05).

Pada pendapat Audit, tempoh masa pulangan deposit pembalakan adalah tidak memuaskan kerana berlaku kelewatan yang menyebabkan pelesen tidak dapat menuntut deposit tersebut dan pewartaan deposit tidak dituntut lewat dikredit kepada hasil Kerajaan Negeri.

1.5.4.3. Pelarasan Pemindahan kepada Hasil Royalti dan Ses

- a. Baucar jurnal pelarasan pemindahan kepada hasil royalti dan ses perlu dibuat dengan kadar segera bagi memastikan hasil diambil kira dalam tempoh semasa.

- b. Semakan Audit terhadap 33 baucar jurnal pelarasan pemindahan hasil kepada royalti dan ses bagi tahun 2014 hingga 2016 mendapati JPNP mengambil masa satu hingga 30 hari melibatkan satu baucar, 31 hingga 60 hari melibatkan satu baucar, 61 hingga 90 hari melibatkan enam baucar dan sebanyak 25 baucar disediakan dalam tempoh melebihi 91 hari hingga 219 hari. Analisis Audit mendapati sebanyak 31 daripada 33 atau 94% baucar jurnal pelarasan pemindahan kepada hasil royalti dan ses dibuat melebihi tempoh 60 hari dari 10 haribulan selepas bulan pengeluaran hasil hutan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.7
TEMPOH MASA PENYEDIAAN BAUCAR
JURNAL PELARASAN PEMINDAHAN KEPADA HASIL DAN SES**

TAHUN	TEMPOH HARI PENYEDIAAN BAUCAR JURNAL (Hari)				JUMLAH
	1 - 30	31 - 60	61 - 90	> 91	
2014	1	1	2	8	12
2015	-	-	3	9	12
2016	-	-	1	8	9
JUMLAH	1	1	6	25	33

Sumber: JPNP

- c. Kelewatan ini disebabkan oleh kelewatan kemasukan data Pas Pemindah di peringkat JPNP kerana semua Pas Pemindah yang dikeluarkan di BPH yang dibuat secara manual akan dihantar ke JPNP untuk dimasukkan dalam SIMP. Dengan kapasiti kakitangan yang terhad dan jumlah Pas Pemindah yang semakin meningkat, JPNP telah mengalami kelewatan sehingga tujuh bulan ke belakang.

Maklum Balas JPNP yang Diterima pada 21 Julai 2017

JPNP memaklumkan bahawa kelewatan kemasukan data Pas Pemindah disebabkan kekurangan kakitangan untuk merekodkan data ke dalam SIMP. JPNP hanya mempunyai dua orang kakitangan tetap dan lima orang Pekerja Sambilan Harian (PSH) untuk merekodkan data tersebut. Bermula 1 Julai 2017, pihak Kewangan Negeri Pahang bersetuju untuk menambah dua orang lagi PSH bagi membantu tugas tersebut.

Pada pendapat Audit, tempoh masa penyediaan baucar jurnal pelarasan pemindahan kepada hasil dan ses adalah tidak memuaskan kerana berlaku kelewatan menyebabkan hasil Kerajaan Negeri tidak diperakaunkan pada masa sebenar.

1.5.5. Sistem Integrasi Maklumat Perhutanan (SIMP)

1.5.5.1. Arahan Perbendaharaan 159 menetapkan baki dalam rekod kecil hendaklah dijumlahkan dan disamakan dengan akaun utama setiap bulan. Senarai baki pendeposit hendaklah disediakan pada setiap suku tahun dan dihantar pada bulan berikutnya. Pada tahun 2000, SIMP telah mula digunakan oleh JPNP bagi merekodkan hasil royalti dan ses. Laporan hasil royalti dan ses yang dijana dari SIMP akan dilaporkan kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang sebagai rekod hasil Kerajaan Negeri.

1.5.5.2. Semakan Audit terhadap 190 sampel Kad Lejar Lesen Individu yang diselenggarakan secara manual oleh JPNP tidak menunjukkan baki akaun yang tepat pada masa sebenar (*real-time*) disebabkan kelewatan merekodkan hasil royalti dan ses. Bagaimanapun, bagi menunjukkan baki akaun yang tepat pada masa sebenar BPH ada menyelenggarakan rekod kawalan pungutan hasil dan had jumlah tebangan setiap pelesen secara manual dalam format yang berbeza mengikut BPH.

1.5.5.3. Maklumat kad lejar lesen individu dan kawalan pungutan hasil serta had jumlah tebangan setiap pelesen tidak boleh dijana terus daripada SIMP. SIMP hanya boleh menjana sebahagian maklumat iaitu laporan hasil royalti dan ses bagi setiap pelesen.

1.5.5.4. Berdasarkan proses sedia ada, JPNP menghadapi masalah utama iaitu kelewatan kemasukan data Pas Pemindah telah menjaskan laporan kutipan hasil hutan yang mengakibatkan hasil Kerajaan Negeri lewat diambil kira. Sehubungan itu, berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan ICT/GIS JPNP Bil.1/2014 dan syor dari Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang dalam surat bertarikh 19 Disember 2013, Unit Teknologi Maklumat telah diarahkan supaya mengembangkan pelaksanaan SIMP ke peringkat daerah dengan membekalkan peralatan ICT secukupnya. Setelah semakan dan kajian infrastruktur rangkaian dan struktur sistem dibuat, didapati SIMP tidak sesuai digunakan oleh pengguna di daerah. Ini disebabkan oleh capaian kepada pangkalan data perlahan dan kebanyakan BPH beroperasi secara sementara di dalam hutan yang tidak mempunyai fasiliti asas seperti premis, bekalan elektrik dan sambungan telefon atau Internet.

1.5.5.5. Bagi mengatasi masalah tersebut pada 1 April 2014, JPNP telah membangunkan SIMP Versi Dua dan melantik syarikat luar dengan kos kontrak berjumlah RM150,000 secara sebut harga dengan tempoh kontrak dari 1 Julai 2014 hingga 31 Mei 2015. Projek SIMP Versi Dua dibangunkan agar dapat membantu JPNP merekod kutipan hasil dengan lebih tepat pada masa sebenar. Laporan Hasil Jabatan yang dihantar ke Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri adalah laporan semasa selari dengan terimaan

sebenar. JPNP boleh menggunakan laporan tersebut untuk membuat perancangan pembangunan dan operasi yang lebih efektif. Antara laporan yang akan dapat dijana oleh SIMP Versi Dua ialah analisa tanda pokok, maklumat lesen yang diluluskan, pengeluaran kayu, hasil royalti dan ses dan pemantauan pengeluaran kayu berdasarkan pokok yang telah ditandakan.

1.5.5.6. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati sehingga tarikh pengauditan SIMP Versi Dua masih belum digunakan secara optimum dan laporan yang sepatutnya dijana oleh sistem tersebut masih belum dapat dikeluarkan.

Maklum Balas JPNP yang Diterima pada 21 Julai 2017

JPNP memaklumkan bahawa kelewatan mengemas kini Kad Lejar Pelesen disebabkan Pas Pemindah yang dikeluarkan oleh BPH dihantar ke Unit Hasil setiap dua kali sebulan. Selain itu, sistem SIMP masih tidak digunakan secara meluas dan dipasang secara stand alone di BPH tertentu sahaja disebabkan faktor infrastruktur dan fasiliti di BPH serta faktor keselamatan bagi lokasi BPH yang terletak di kawasan pendalaman. SIMP Versi Dua mula digunakan pada April 2017 bagi memasukkan data lesen dan Pas Pemindah.

Pada pendapat Audit, penggunaan SIMP tidak memuaskan kerana tidak digunakan secara optimum menyebabkan sistem tidak dapat menjana laporan pengurusan hasil hutan. Laporan tersebut dibuat secara manual mengakibatkan beban tugas pegawai bertambah dan kelewatan merekod hasil dan royalti dan ses.

1.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan hasil pembalakan dapat diurus dengan lebih cekap, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) mengambil tindakan penambahaikan seperti berikut:

- 1.6.1. memastikan penggunaan kadar hasil pembalakan dan deposit diwartakan;
- 1.6.2. memastikan kaedah pelupusan kayu rampasan bagi kesalahan hutan dapat memberi manfaat ekonomi kepada Kerajaan Negeri;
- 1.6.3. menetapkan dan mematuhi norma kerja atau piagam pelanggan jabatan bagi tempoh masa kerja pelupusan barang rampasan, penyediaan Laporan Penyata Penutupan Lesen, pemulangan deposit pembalakan dan pelarasaran pemindahan kepada hasil royalti dan ses; dan
- 1.6.4. memastikan SIMP Versi 2 dapat digunakan secara menyeluruh dan dapat menjana laporan pengurusan hasil hutan.

KERAJAAN NEGERI PAHANG

2. AMANAH SAHAM PAHANG BERHAD

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Amanah Saham Pahang Berhad (ASPA) merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Pahang yang ditubuhkan pada 21 Januari 1974 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal dibenarkan berjumlah RM70 juta dan modal berbayar berjumlah RM60.61 juta. ASPA ditubuhkan untuk memajukan perindustrian berdasarkan kayu-kayan secara sistematik di negeri Pahang. Aktiviti utama ASPA adalah dalam bidang perhutanan dan industri perkayuan iaitu menguruskan kawasan hutan sebagai sumber utamanya dan menjamin pengekalan sumber tersebut bagi generasi akan datang dengan projek menanam semula dan memperkayakan kawasan hutan miliknya. Memandangkan sumber hutan telah berkurangan dan untuk mempelbagaikan aktiviti syarikat, ASPA turut melibatkan diri dalam industri perladangan kelapa sawit dan getah serta pengurusan saham amanah dan harta. Perladangan kelapa sawit kini menyumbang lebih 60% pendapatan ASPA. Pada masa ini empat ladang kelapa sawit telah dibuka di Sungai Jeram, Sungai Miang, Kampung Mikang dan Berabung yang kesemuanya seluas 7,284 hektar.

2.1.2. ASPA dipengerusikan oleh Menteri Besar Pahang dan lima orang Ahli Lembaga Pengarah iaitu seorang wakil kerajaan dan selebihnya merupakan ahli korporat. Pengurusan ASPA diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh seorang Timbalan Pengurus Besar, tujuh orang Pengurus dan 81 orang kakitangan. Pengurusan ASPA adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Memorandum dan Artikel Penubuhan (M&A) serta *Standard Operating Procedures* (SOP) syarikat.

2.1.3. Pengauditan pengurusan syarikat ASPA pernah dijalankan oleh Jabatan Audit Negara pada tahun 2008. Antara penemuan yang dilaporkan adalah fungsi dan tanggungjawab setiap Bahagian tidak disediakan, Jawatankuasa Audit, Unit Audit Dalam serta Jawatankuasa Kewangan Dan Pelaburan tidak ditubuhkan, rancangan korporat tidak disediakan, visi dan misi syarikat tidak ditetapkan dengan jelas, garis panduan dan prosedur kerja yang menyeluruh tidak disediakan, pinjaman dari Kerajaan Negeri tidak dibayar mengikut jadual, laporan pendahuluan kepada kakitangan tidak disediakan, laporan deposit tidak disediakan, daftar aset dan inventori tidak lengkap, aset dan inventori tidak di tanda Hak Milik dan tidak dilabelkan, pemeriksaan tahunan aset tidak dilaksanakan, buku log kenderaan tidak disimpan oleh pegawai bertanggungjawab, tiada daftar kad inden minyak kenderaan diselenggarakan, tiada peraturan dan proses kerja jualan balak, rumah banglo yang

masih belum disewa atau dijual terbiar, tiada pelan pemasaran jualan rumah banglo dan polisi pengurusan risiko tidak disediakan.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan dan amalan tadbir urus ASPA adalah baik, pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 serta pengurusan aktiviti dan tadbir urus tahun 2014 hingga bulan Jun 2017. Bagi pengurusan aktiviti, sebanyak dua daripada empat aktiviti telah diaudit iaitu perladangan kelapa sawit dan aktiviti pembalakan. Pemilihan aktiviti ini adalah disebabkan kedua-dua aktiviti tersebut menyumbang kepada 80% pendapatan ASPA. Pengauditan ini telah dijalankan di pejabat operasi ASPA di Kuantan, Pahang. Selain itu, lawatan ke tiga ladang kelapa sawit ASPA juga telah dijalankan.

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Penilaian prestasi kewangan dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan ASPA bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 yang telah diaudit dan diberi Laporan Juruaudit Tanpa Teguran oleh Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AFTAAS). Penilaian ini melibatkan empat analisis iaitu analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, analisis trend aset dan liabiliti, analisis nisbah kewangan serta analisis aliran tunai. Bagi pengurusan aktiviti dan tadbir urus, semakan dilaksanakan terhadap dokumen, rekod dan fail berkaitan dari tahun 2014 hingga bulan Jun 2017. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai ASPA di pejabat operasi dan ladang-ladang ASPA juga telah dijalankan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Selain itu, pihak Audit turut melaksanakan lawatan fizikal ke ladang kelapa sawit ASPA di Sungai Jeram, Kampung Mikang dan Sungai Miang. *Exit Conference* telah diadakan pada 24 Ogos 2017 yang dipengerusikan oleh Pengurus Besar ASPA dan dihadiri oleh pihak pengurusan ASPA.

2.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Jun 2017 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan ASPA bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah kurang memuaskan. Pada tahun 2014 dan 2015 keuntungan sebelum cukai masing-masing menurun kepada RM10.57 juta dan RM7.53 juta. Manakala pada tahun 2016, ASPA telah mencatatkan kerugian sebelum cukai sejumlah RM12 juta. Selain itu, pengurusan aktiviti adalah memuaskan dan selaras dengan objektif penubuhan namun amalan

tadbir urus kurang memuaskan. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh ASPA adalah seperti ringkasan berikut:

- i. prestasi pengeluaran Buah Tandan Segar Sawit secara puratanya adalah memuaskan pada tahun 2014 dan 2015 kerana mencapai sasaran 80%. Hanya tahun 2016 sahaja pencapaiannya kurang 80%;
- ii. prestasi pendapatan aktiviti pembalakan tahun 2016 menunjukkan penurunan ketara iaitu sebanyak 80.7% berbanding tahun 2015; dan
- iii. Rancangan Korporat dan KPI tidak disediakan bagi mengukur prestasi syarikat dalam mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang. Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan.

2.5.1. Prestasi Kewangan

2.5.1.1. Analisis terhadap prestasi kewangan ASPA bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 telah dilaksanakan berdasarkan kedudukan kewangan syarikat ini yang merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.1
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016**

BUTIRAN	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)
Pendapatan	42.49	43.59	41.64
Pendapatan lain	5.72	0.40	0.62
JUMLAH PENDAPATAN	48.21	43.99	42.26
Kos Pentadbiran dan Kewangan	(19.77)	(19.91)	(37.88)
Kos Kendalian	(17.87)	(16.55)	(16.38)
JUMLAH PERBELANJAAN	(37.64)	(36.46)	(54.26)
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI	10.57	7.53	(12.00)
Cukai	(2.03)	(2.86)	(1.47)
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI	8.55	4.67	(13.47)
Pelarasan	-	(1.60)	-
KEUNTUNGAN TERKUMPUL	44.17	47.24	33.77
JUMLAH ASET	230.12	237.24	225.83
JUMLAH LIABILITI	124.16	129.05	132.21
JUMLAH EKUITI	105.96	108.19	93.62
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI	230.12	237.24	225.83
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	(2.38)	(0.57)	0.62

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2014, 2015 dan 2016


2.5.1.2. Pendapatan utama ASPA adalah hasil daripada aktiviti perladangan kelapa sawit, hasil pembalakan, dividen dari pelaburan harta tanah dan saham serta jualan getah. Di samping itu, ASPA juga menerima pendapatan lain yang terdiri daripada pendapatan runcit dan jualan harta tetap. Pendapatan utama

ASPA pada tahun 2016 berjumlah RM41.64 juta menurun sebanyak 4.5% berbanding tahun 2015. Manakala pada tahun 2015 meningkat sebanyak 2.6% berbanding tahun 2014 iaitu daripada RM42.49 juta kepada RM43.59 juta. Pendapatan lain ASPA pada tahun 2016 meningkat sebanyak 52.9% berjumlah RM615,911 berbanding tahun 2015. Manakala pada tahun 2015 menunjukkan penurunan ketara sebanyak 93% kepada RM402,828 berbanding tahun 2014 berjumlah RM5.72 juta. Pendapatan lain ASPA pada tahun 2015 menurun dengan ketara kerana pada tahun 2014, pendapatan lain ASPA termasuk keuntungan jualan saham sejumlah RM5.59 juta. Analisis Audit selanjutnya mendapati jualan minyak sawit mentah dan isirong kelapa sawit merupakan penyumbang utama kepada pendapatan syarikat iaitu melebihi 60% daripada keseluruhan pendapatan. Pada tahun 2014, 2015 dan 2016, hasil jualan sawit mencatatkan masing-masing sebanyak 68.4%, 63.7% dan 76.8% daripada pendapatan keseluruhan syarikat. Ia diikuti oleh hasil pembalakan masing-masing sebanyak 22.7%, 32.8% dan 6.6% pada tahun 2014, 2015 dan 2016. Trend pendapatan bagi tiga tahun yang berkaitan adalah seperti **Jadual 2.1** dan **Carta 2.1**.


2.5.1.3. Perbelanjaan ASPA pula terdiri daripada kos kendalian, pentadbiran dan kewangan. Pada tahun 2016, perbelanjaan ASPA berjumlah RM54.26 juta meningkat sebanyak 48.8% berbanding tahun 2015. Manakala pada tahun 2015, perbelanjaan ASPA menurun sebanyak 3.1% berbanding tahun 2014 iaitu daripada RM37.64 juta kepada RM36.46 juta. Antara faktor peningkatan pada tahun 2016 adalah rosot nilai pelaburan sejumlah RM15.43 juta dan peningkatan kos penyenggaraan ladang sejumlah RM1.88 juta serta derma dan sumbangan sejumlah RM1.54 juta. Trend perbelanjaan bagi tiga tahun yang berkaitan adalah seperti **Jadual 2.1** dan **Carta 2.1**.

2.5.1.4. Trend pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 telah memberi kesan terhadap keuntungan ASPA. Pada tahun 2014, keuntungan sebelum cukai ASPA sejumlah RM10.57 juta dan menurun 28.8% kepada RM7.53 juta pada tahun 2015. Bagaimanapun pada tahun 2016, akibat peningkatan kos pentadbiran dan kewangan berjumlah RM17.97 juta telah menyebabkan ASPA memperoleh kerugian sebelum cukai sejumlah RM12 juta. Sehingga 31 Disember 2016, keuntungan terkumpul ASPA berjumlah RM33.77 juta. Butiran lanjut seperti **Jadual 2.1** dan **Carta 2.2**.

CARTA 2.1
TREND PENDAPATAN
DAN PERBELANJAAN BAGI
TAHUN 2014, 2015 DAN 2016



CARTA 2.2
TREND KEUNTUNGAN/KERUGIAN
SEBELUM CUKAI DAN KEUNTUNGAN
TERKUMPUL BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2014, 2015 dan 2016

2.5.1.5. Analisis Audit juga mendapati ASPA mempunyai sumber yang mencukupi bagi memenuhi obligasi kerana kedudukan aset syarikat melebihi liabiliti bagi tempoh tiga tahun ini. Komponen terbesar yang menyumbang kepada aset syarikat ialah harta tanah, loji dan peralatan serta penghutang. Manakala bagi liabiliti adalah pendahuluan daripada Kerajaan Negeri Pahang. Tahap kecairan syarikat adalah kurang memuaskan kerana aset semasa kurang daripada liabiliti semasa. Selain itu, syarikat hanya dapat menjana pendapatan antara RM0.21 hingga RM0.23 sahaja bagi setiap ringgit yang dilaburkan dalam aset bukan semasa. Manakala pulangan atas aset adalah kurang memuaskan kerana tiada pulangan atas aset diperoleh pada tahun 2016 berbanding RM0.02 dan RM0.04 pada tahun 2015 dan 2014 masing-masing.

2.5.1.6. Analisis Audit telah dijalankan terhadap aliran tunai ASPA bagi menilai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasi, pelaburan dan pembiayaan untuk menampung keperluan perbelanjaan syarikat. Pada akhir tahun kewangan 2016, ASPA mempunyai tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM615,322 berbanding negatif RM571,392 pada akhir tahun 2015. Antara faktor yang menyumbang kepada aliran tunai positif adalah disebabkan peningkatan jumlah pembiayaan iaitu RM13.80 juta dan terimaan dividen oleh ASPA berjumlah RM1.18 juta.

Pada pendapat Audit, berdasarkan analisis yang dijalankan di atas, secara keseluruhannya prestasi kewangan ASPA adalah kurang memuaskan.

2.5.2. Pengurusan Aktiviti

Empat aktiviti utama ASPA adalah perladangan kelapa sawit, aktiviti pembalakan, pengurusan saham amanah dan harta. Semakan Audit dijalankan terhadap aktiviti perladangan kelapa sawit dan pembalakan yang menyumbang lebih 80% kepada pendapatan ASPA. Sehingga akhir tahun 2016, ASPA telah memiliki sebanyak empat ladang kelapa sawit dengan kluasan keseluruhan 7,284 hektar meliputi Ladang Kampung Mikang (1,235 hektar), Ladang Sungai Miang (1,515 hektar), Ladang Sungai Jeram (3,124 hektar) dan Ladang Berabung (1,410 hektar). Tiga ladang telah mengeluarkan hasil tanaman kecuali Ladang Berabung yang dalam proses pembangunan kawasan.

2.5.2.1. Prestasi Pengeluaran Buah Tandan Sawit Segar

- a. Pengeluaran buah tandan segar (BTS) yang berkualiti dan memenuhi sasaran yang ditetapkan akan memberi pulangan hasil yang tinggi kepada syarikat. ASPA telah menetapkan sasaran pengeluaran buah tandan sawit segar (BTS) di ladang miliknya pada tahun 2014 adalah sebanyak 75,797 tan, tahun 2015 sebanyak 79,222 tan dan tahun 2016 sebanyak 77,225 tan. Sasaran pengeluaran BTS dibuat berdasarkan kepada umur pokok sawit matang, keadaan cuaca pada tahun-tahun sebelumnya, jenis tanah dan keadaan bentuk muka bumi di ladang sama ada tanah tinggi, tanah rata atau tanah gambut.
- b. Analisis Audit terhadap Laporan Sistem Informasi Ladang ASPA mendapati pengeluaran BTS bagi tahun 2014 hingga 2016 di Ladang Kampung Mikang tidak mencapai 80% sasaran yang ditetapkan. Pencapaian sebenar Ladang Kampung Mikang pada tahun 2014, 2015 dan 2016 masing-masingnya hanya 78.8%, 70.0% dan 65.3% berbanding sasaran. Manakala bagi Ladang Sungai Miang dan Sungai Jeram, hanya pengeluaran BTS bagi tahun 2016 yang tidak mencapai 80% sasaran. Pencapaian sebenar Ladang Sungai Miang pada tahun 2014 dan 2015 masing-masingnya 90.2% dan 92.1% berbanding sasaran manakala pencapaian pada tahun 2016 hanya 72.9% berbanding sasaran. Bagi Ladang Sungai Jeram pula, pencapaian sebenar pada tahun 2014 dan 2015 masing-masingnya 84.6% dan 80.3% berbanding sasaran manakala pencapaian pada tahun 2016 hanya 71.2% berbanding sasaran. Butiran lanjut pengeluaran BTS mengikut ladang bagi tahun 2014 hingga tahun 2016 berbanding sasaran adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.2
PRESTASI PENGELUARAN BTS LADANG ASPA
BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

BIL.	LADANG ASPA	2014			2015			2016		
		SASARAN (Tan)	SEBENAR (Tan)	(%)	SASARAN (Tan)	SEBENAR (Tan)	(%)	SASARAN (Tan)	SEBENAR (Tan)	(%)
1.	Kampung Mikang	23,380	18,423	78.8	23,380	16,361	70.0	19,130	12,487	65.3
2.	Sungai Miang	31,608	28,511	90.2	30,102	27,736	92.1	30,102	21,952	72.9
3.	Sungai Jeram	20,809	17,600	84.6	25,740	20,677	80.3	27,993	19,925	71.2
JUMLAH		75,797	64,534	85.1	79,222	64,774	81.8	77,225	54,364	70.4

Sumber: Laporan Sistem Informasi Ladang ASPA

2.5.2.2. Purata Pengeluaran BTS Ladang ASPA

- a. Purata pengeluaran BTS sehektar ladang merujuk kepada purata bagi jumlah tan BTS yang dikeluarkan bagi setiap satu hektar ladang. Setiap tahun Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mengeluarkan purata pengeluaran BTS sehektar ladang bagi ladang-ladang di seluruh Negeri Pahang. Purata pengeluaran BTS sehektar ladang ASPA pada tahun 2014, 2015 dan 2016 yang masing-masingnya adalah 17.55 tan sehektar, 16.57 tan sehektar dan 13.41 tan sehektar. Manakala purata pengeluaran BTS Negeri Pahang yang dikeluarkan oleh MPOB pada tahun 2014, 2015 dan 2016 masing-masingnya adalah 18.42 tan sehektar, 18.53 tan sehektar dan 15.23 tan sehektar.
- b. Semakan Audit mendapati purata pengeluaran BTS sehektar ladang ASPA adalah lebih rendah berbanding purata pengeluaran Negeri Pahang yang dikeluarkan oleh MPOB. Pada tahun 2014, purata pengeluaran BTS ladang ASPA adalah 95.3% berbanding purata pengeluaran Negeri Pahang. Pada tahun 2015 pula, purata pengeluaran BTS ladang ASPA tersebut menurun kepada 89.4% berbanding purata pengeluaran Negeri Pahang. Manakala pada tahun 2016, purata pengeluaran BTS ladang ASPA menurun lagi kepada 88.1% berbanding purata pengeluaran Negeri Pahang. Hasil jualan kelapa sawit ASPA pada tahun 2014, 2015 dan 2016 berdasarkan kepada penyata kewangan beraudit masing-masingnya berjumlah RM29.08 juta, RM27.75 juta dan RM32 juta. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 2.3
PURATA PENGELUARAN BTS SEHEKTAR LADANG ASPA BERBANDING
PURATA PENGELUARAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

BIL.	LADANG ASPA	TAHUN (Tan/Hektar)		
		2014	2015	2016
1.	Kampung Mikang	17.33	15.39	11.75
2.	Sungai Miang	18.94	18.42	14.57
3.	Sungai Jeram	16.37	15.89	13.92
Purata Pengeluaran BTS ASPA		17.55	16.57	13.41
Purata Pengeluaran BTS Negeri Pahang oleh MPOB		18.42	18.53	15.23
PENCAPAIAN (%)		95.3	89.4	88.1

Sumber: Laporan Sistem Informasi Ladang ASPA

- c. Menurut ASPA, kekurangan tenaga kerja dan kesukaran mendapatkan pekerja asing menjadi faktor utama purata pengeluaran BTS sehektar ladang ASPA menurun setiap tahun terutamanya pada tahun 2016. Pihak pengurusan ASPA juga memaklumkan bahawa mereka telah mengambil tindakan memohon pengambilan tenaga kerja asing pada tahun 2017 dan telah mendapat kelulusan membawa masuk seramai 330 orang pekerja tetapi hanya berjaya membawa masuk seramai 21 orang sahaja.

Maklum Balas ASPA yang Diterima pada 9 Ogos 2017

Selain faktor kekurangan tenaga pekerja, faktor cuaca iaitu kesan daripada El-Nino juga memberi impak kepada pengeluaran BTS terutamanya pada suku tahun pertama 2016. Selain itu, faktor taburan hujan yang tidak konsisten juga turut menjelaskan pengeluaran hasil BTS. Taburan hujan yang kurang daripada 200 mm sebulan selama tiga bulan berturut-turut boleh menjelaskan pengeluaran manakala taburan hujan yang melebihi 800 mm sebulan mengakibatkan banjir di kawasan ladang dan seterusnya hasil BTS tidak dapat dikeluarkan.

Pada pendapat Audit, purata pengeluaran BTS ladang ASPA adalah memuaskan bagi tahun 2014 hingga 2016 kerana peratusan purata pengeluaran berbanding Negeri Pahang masih tinggi iaitu melebihi 80% setiap tahun.

2.5.2.3. Purata Kadar Perahan Minyak Sawit Ladang ASPA

- a. Kadar Perahan Minyak (KPM) ialah jumlah atau kuantiti minyak sawit mentah yang dapat dihasilkan (*extract*) melalui pemprosesan daripada sejumlah BTS. KPM dinyatakan dalam unit peratusan merupakan parameter penting dalam pemprosesan BTS di sesebuah kilang. Kadar Perahan Minyak

Sawit (KPM) adalah bergantung kepada biji benih yang berkualiti dan pengurusan operasi yang baik termasuk proses pembajaan dan penjagaan pokok kelapa sawit yang sempurna. Semakan Audit mendapati purata KPM ladang ASPA bagi tahun 2014 hingga tahun 2016 berbanding purata KPM Negeri Pahang yang dikeluarkan oleh MPOB adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.4
PURATA KADAR PERAHAN MINYAK
SAWIT (KPM) LADANG ASPA BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

BIL.	LADANG ASPA	2014		2015		2016	
		MINYAK SAWIT MENTAH (%)	ISIRONG (%)	MINYAK SAWIT MENTAH (%)	ISIRONG (%)	MINYAK SAWIT MENTAH (%)	ISIRONG (%)
1.	Kampung Mikang	19.25	5.00	19.50	5.00	19.65	5.00
2.	Sungai Miang	19.10	5.00	19.50	5.00	19.65	5.00
3.	Sungai Jeram	17.00	5.00	18.16	5.00	18.83	5.00
Purata KPM ASPA		18.45	5.00	19.05	5.00	19.38	5.00
Purata KPM Negeri Pahang Oleh MPOB		20.53	5.48	20.26	5.39	19.98	5.20
PENCAPAIAN (%)		89.9	91.2	94.0	92.8	97.0	96.1

Sumber: Sebut Harga dan Tawaran Tender Ladang ASPA @ MPOB E-Submission System

- d. Purata KPM minyak sawit mentah bagi ladang ASPA pada tahun 2014, 2015 dan 2016 masing-masingnya adalah 18.45%, 19.05% dan 19.38%. Semakan Audit mendapati purata tersebut adalah lebih rendah jika berbanding purata KPM minyak sawit mentah Negeri Pahang yang dikeluarkan oleh MPOB. Pada tahun 2014, purata KPM ladang ASPA adalah 89.9% berbanding KPM Negeri Pahang manakala pada tahun 2015 dan 2016 masing-masing meningkat kepada 94.0% dan 97.0%.
- e. Manakala semakan Audit terhadap purata KPM isirong bagi ladang ASPA pada tahun 2014, 2015 dan 2016 pula mendapati purata bagi ketiga-tiga tahun tersebut adalah sama iaitu 5.00%. Purata tersebut lebih rendah berbanding purata KPM isirong Negeri Pahang yang dikeluarkan oleh MPOB. Pada tahun 2014, purata KPM ladang ASPA adalah 91.2% berbanding KPM Negeri Pahang manakala pada tahun 2015 dan 2016 masing-masing meningkat kepada 92.8% dan 96.1%.

Maklum Balas ASPA yang Diterima pada 9 Ogos 2017

KPM ialah kadar perahan teoritikal yang merupakan kadar perahan maksimum minyak dan isirong sawit. Penentuan KPM dibuat mengikut julat tertentu berdasarkan usia pokok dan berat tandan sepetimana yang dinyatakan di jadual MPOB dalam Manual Penggredan Buah Sawit.

Pihak pengurusan syarikat telah mengambil kira kadar KPM isirong tetap sama iaitu 5.0% untuk tahun 2014, 2015 dan 2016. Tiada peningkatan dalam kadar tersebut disebabkan pihak pengurusan berpendapat kadar peratus KPM isirong ini tidak memberi kesan yang nyata kepada harga jualan BTS. Pihak ASPA turut menjelaskan mereka menggunakan klon sawit jenis Tenera di mana kadar KPM isirong hampir tiada potongan oleh pihak kilang jika dibandingkan dengan jenis klon Dura di mana tempurung adalah tebal dan tidak dapat dipecahkan semasa proses kilang. Oleh itu kadar KPM isirong adalah selaras dengan julat yang dikeluarkan MPOB iaitu antara 5.0% - 5.5%.

Pada pendapat Audit, purata KPM minyak sawit mentah ladang ASPA adalah memuaskan bagi tahun 2014 hingga 2016 kerana melebihi 80% peratus berbanding purata KPM Negeri Pahang dan meningkat setiap tahun. Manakala purata KPM isirong juga memuaskan kerana menunjukkan peningkatan peratusan yang tinggi iaitu melebihi 90% setiap tahun.

2.5.2.4. Perolehan Baja

- a. Perolehan baja bagi ladang ASPA dibuat daripada pelbagai pembekal mengikut jenis baja sebanyak dua kali setahun melalui kaedah sebut harga. Perolehan pada awal tahun bagi pembekalan baja untuk bulan Januari hingga Jun dan pertengahan tahun bagi pembekalan baja untuk bulan Julai hingga Disember. Bagi setengah tahun pertama 2016, sebanyak sepuluh sebut harga telah diterima dan tujuh syarikat telah dipilih dan ditawarkan membekalkan baja ke ladang-ladang ASPA dan bagi setengah tahun kedua 2016, sebanyak tujuh sebut harga yang diterima dan enam syarikat telah dipilih.
- b. Semakan Audit terhadap fail sebut harga mendapati penentuan dan pemilihan syarikat yang berjaya dibuat oleh Jawatankuasa Sebut Harga berdasarkan harga terendah dan munasabah yang ditawarkan oleh syarikat yang menyertai sebut harga. Kelulusan bagi perolehan baja tahun 2016 dibuat dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Kali Ke 223 yang diadakan pada 3 Mac 2016. Syarikat-syarikat yang telah ditawarkan membekalkan baja ke ladang-ladang ASPA bagi tahun 2016 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.5
SYARIKAT PEMBEKAL BAJA LADANG ASPA BAGI TAHUN 2016

BIL.	SYARIKAT PEMBEKAL	JENIS BAJA	AMAUN SEBUTHARGA (RM)
1.	Pembekal 1	Ajib CRF Granular	3,900,244.00
		Ajib CRF	569,415.00
		Ajib K	569,415.00
2.	Pembekal 2	Hi-Kay Plus	1,362,816.00
		Compound 25	190,645.65
		Peat Kay Plus	618,966.00
3.	Pembekal 3	Muriate Of Potash	344,367.00
		Mix J	406,296.00
4.	Pembekal 4	MPOB F1	78,453.00
		Bayovar AR RP	185,913.00
5.	Pembekal 5	AgroFeed	246,400.00
		Super K	84,700.00
6.	Pembekal 6	Compound 44	906,094.00
7.	Pembekal 7	German Keiserite	174,609.00
JUMLAH			9,638,333.65

Sumber: Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah

- c. Semakan Audit terhadap proses pembekalan baja mendapati baja-baja dihantar ke ladang ASPA oleh pembekal mengikut tempoh seperti yang telah ditetapkan dalam surat tawaran yang dikeluarkan kepada mereka. Selain itu, semakan Audit terhadap 30 sampel baucar bayaran bagi pembekalan baja mendapati bayaran dibuat kepada pembekal mengikut tempoh dan peraturan yang telah ditetapkan.

Pada pendapat Audit, proses pembekalan baja dan proses pembayaran bekalan baja adalah baik.

2.5.2.5. Kaedah Penyimpanan Baja

- a. Mengikut perenggan 16.4, AM 6.4, Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan, Pekeliling Perbendaharaan Malaysia menetapkan baja hendaklah disimpan di tempat yang mempunyai peredaran udara, dingin dan kering kerana jika terkena air, ia akan rosak dan mengeluarkan bahang panas dan platform kayu hendaklah digunakan untuk mengalas baja tersebut. Berdasarkan penyata kewangan ASPA tahun 2014, 2015 dan 2016, kos pembajaan bagi ladang ASPA masing-masing berjumlah RM5.10 juta, RM5.47 juta dan RM5.21 juta.
- b. Semakan Audit mendapati ASPA tidak mempunyai peraturan yang lengkap bagi proses penyimpanan dan pengendalian baja. Lawatan Audit ke Ladang

Sungai Jeram, Kampung Mikang dan Sungai Miang mendapati baja disimpan dalam bangunan stor baja yang berkunci. Pemeriksaan fizikal mendapati hanya stok baja di Ladang Sungai Jeram yang dialas menggunakan platform kayu dan mempunyai ruang udara bagi menjaga kualiti baja. Manakala stor Ladang Kampung Mikang dan Sungai Miang tidak menggunakan platform kayu bagi mengalas baja. Kaedah penyimpanan stok baja dalam stor di Ladang Sungai Jeram, Sungai Mikang dan Sungai Miang adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.1



Ladang Sungai Jeram
- Keadaan di Stor Baja
(18.4.2017)

GAMBAR 2.2



Ladang Kampung Mikang
- Keadaan di Stor Baja
(18.4.2017)



GAMBAR 2.3

Ladang Sungai Miang
- Keadaan di Stor Baja
(19.4.2017)

Maklum Balas ASPA yang Diterima pada 9 Ogos 2017

Ladang Kg Mikang dan Sungai Miang tidak mempunyai kuantiti baja yang banyak kerana keluasan ladang lebih kurang 1,500 hektar setiap ladang jika dibandingkan dengan Ladang Sg Jeram yang mempunyai keluasan lebih kurang 4,800 hektar di mana pengeluaran baja adalah lebih cepat dan tidak disimpan melebihi tiga bulan dari tarikh penerimaan baja. Kadar kualiti baja menjadi tidak stabil jika keadaan baja terdedah terus menerus kepada cahaya matahari dan hujan. Kadar kualiti baja tidak akan terjejas jika disimpan di dalam stor tanpa alas dengan kadar melebihi satu hingga dua tahun bergantung kepada jenis baja. Bagaimanapun pihak pengurusan akan melaksanakan tindakan seperti yang disarankan oleh pihak Audit.

Pada pendapat Audit, kaedah penyimpanan baja adalah kurang memuaskan di stor baja Ladang Kampung Mikang dan Sungai Miang

kerana ia disimpan tanpa alas dan boleh menyebabkan penurunan kualiti baja dan mempengaruhi tumbesaran tanaman dan pengeluaran buah sawit.

2.5.2.6. Pengurusan Pembalakan

Pendapatan bagi aktiviti pembalakan diperoleh daripada komisen premium lesen pembalakan, jualan kayu balak dan jualan kayu jaras berukuran lapan kaki panjang. Mengikut A.T. No: AT1, Manual Dan Prosedur Bahagian Perhutanan menyatakan permohonan lesen untuk aktiviti pembalakan oleh pemberong adalah melalui ASPA yang dibuat secara bertulis untuk dikemukakan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Pahang. Selepas kelulusan lesen diperoleh, ASPA akan menawarkan kerja pembalakan di kawasan yang diluluskan kepada pemberong yang dipilih.

2.5.2.7. Pendapatan Pembalakan

- a. Pendapatan ASPA melalui aktiviti pembalakan antaranya ialah terimaan komisen premium lesen pembalakan oleh pemberong sebanyak 33% daripada nilai premium yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri iaitu RM1,000 bagi setiap satu ekar bagi Hutan Simpanan Kekal dan RM500 bagi setiap satu ekar bagi Hutan Tanah Kerajaan. Semakan Audit terhadap Laporan Kawasan Khas Yang Dilesen ASPA mendapati pada tahun 2014 hingga 2016 sebanyak 100 lesen pembalakan telah diterima oleh ASPA dengan jumlah kawasan seluas 12,368.60 hektar yang meliputi Hutan Simpanan Kekal dan Hutan Tanah Kerajaan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.6
BILANGAN LESEN DAN LUAS KAWASAN
PEMBALAKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

TAHUN	JUMLAH LESEN	JUMLAH KAWASAN (Hektar)
2014	44	5,523.30
2015	31	3,178.53
2016	25	3,666.77
JUMLAH	100	12,368.60

Sumber: Laporan Kawasan Khas yang Dilesen ASPA Bagi Tahun 2014 hingga 2016

- b. Pada tahun 2014 dan 2016, terdapat projek ladang kelapa sawit yang dibangunkan seluas 139.55 hektar di Berabung dan 411.08 hektar di Kampung Mikang. Selain itu, ASPA juga mendapat kelulusan lesen pembalakan pada tahun 2015 di Mukim Semantan Temerloh iaitu Hutan Tanah Kerajaan dengan keluasan 427.10 hektar. Jumlah kawasan

pembalakan oleh ASPA bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah seluas 977.73 hektar. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.7
KAWASAN PEMBALAKAN ASPA BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

BIL.	TAHUN	KAWASAN PEMBALAKAN	JUMLAH KAWASAN (Hektar)
1.	2014	Berabung, Mukim Keratong, Daerah Rompin (Kayu Balak & Kayu Jaras Berukuran 8 Kaki Panjang)	139.55
2.	2015	Hutan Tanah Kerajaan, Mukim Semantan, Daerah Temerloh (Kayu Balak & Kayu Jaras Berukuran 8 Kaki Panjang)	427.10
3.	2016	Kampung Mikang, Bukit Ibam, Daerah Rompin (Kayu Jaras Berukuran 8 Kaki Panjang)	411.08
JUMLAH			977.73

Sumber: Laporan Jualan Balak dan Kayu ASPA Bagi Tahun 2014 hingga 2016

- c. Analisis Audit mendapati pendapatan pembalakan ASPA pada tahun 2015 meningkat sejumlah RM4.62 juta (47.8%) kepada RM14.28 juta berbanding RM9.66 juta pada tahun 2014. Manakala pada tahun 2016, pendapatan menurun sejumlah RM11.53 juta (80.7%) kepada RM2.75 juta berbanding RM14.28 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan pendapatan ASPA pada tahun 2015 disebabkan peningkatan hasil jualan kayu balak dan kayu jaras sejumlah RM2.68 juta (98.5%) berbanding tahun 2014. Pendapatan daripada komisen premium lesen pembalakan pada tahun 2015 juga turut meningkat sejumlah RM1.94 juta (72.4%). Manakala pada tahun 2016, pendapatan bagi komisen tersebut menurun sejumlah RM6.64 juta (77.8%) berbanding tahun 2015 kerana berdasarkan Laporan Kawasan Khas Yang DileSEN ASPA, permohonan lesen pembalakan daripada pemborong berkurangan. Selain itu, berdasarkan Laporan Jualan Balak dan Kayu ASPA, pada tahun 2016 tiada jualan kayu balak dibuat dan hasil hanya diperoleh dari jualan kayu jaras bagi projek ladang kelapa sawit yang dibangunkan di Kampung Mikang dengan kawasan seluas 411.08 hektar. Ini menyebabkan berlakunya pengurangan pendapatan sejumlah RM4.89 juta (90.6%) daripada hasil jualan kayu balak dan kayu jaras berbanding tahun 2015. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.8
PENDAPATAN PEMBALAKAN ASPA BAGI TEMPOH 2014 HINGGA 2016**

TAHUN	PENDAPATAN DARI KOMISEN PREMIUM LESEN PEMBALAKAN (RM Juta)	PENDAPATAN JUALAN BALAK DAN KAYU JARAS (RM Juta)	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta)
2014	6.94	2.72	9.66
2015	8.88	5.40	14.28
2016	2.24	0.51	2.75
JUMLAH	18.06	8.63	26.69

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2014 hingga 2016

Maklum Balas ASPA yang Diterima pada 9 Ogos 2017

Kelulusan lesen pembalakan daripada Jabatan Perhutanan Negeri Pahang untuk ASPA bagi tahun 2016 adalah kurang berbanding tahun 2015. Bagi jualan kayu balak untuk tahun 2016, pihak ASPA memaklumkan mereka tidak mendapat kelulusan lesen pembalakan daripada Jabatan Perhutanan Negeri Pahang. Ini memberi kesan kepada hasil balak yang menyebabkan kadar penurunan dalam hasil jualan balak iaitu pengurangan kelulusan lesen yang akan mengakibatkan pengurangan penerimaan premium dan seterusnya memberi kesan kepada kadar hasil/pendapatan.

Pada pendapat Audit, penurunan pendapatan pembalakan sebanyak 80% pada tahun 2016 memberi kesan kepada pendapatan keseluruhan ASPA.

2.5.2.8. Deposit Lesen Pembalakan

- a. Bagi mendapatkan lesen pembalakan, pihak pemberong perlu membayar deposit lesen mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Semakan Audit mendapati tiada sebarang peraturan atau polisi terhadap Pengurusan Akaun Deposit Lesen disediakan. Pada tahun 2014, 2015 dan 2016 baki deposit yang diterima oleh ASPA masing-masing berjumlah RM2 juta, RM3 juta dan RM3.88 juta.
- b. Semakan Audit terhadap Daftar Deposit yang disediakan pada tahun 2016 mendapati ianya tidak lengkap kerana tiada maklumat seperti tarikh deposit diterima dan tarikh deposit dipulangkan. Selain itu, pihak ASPA juga tidak menetapkan tempoh untuk pemulangan deposit dan tiada tindakan diambil oleh pihak ASPA untuk memaklumkan kepada pemberong agar membuat tuntutan bagi deposit lesen berkenaan. Pihak Audit juga mendapati wang deposit berkenaan akan dipulangkan sekiranya terdapat pemberong yang membuat tuntutan atau di kontra dengan bayaran komisen premium lesen pembalakan. Sehingga 31 Disember 2016, jumlah deposit yang tidak dapat dikenal pasti pendepositnya berjumlah RM157,889. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.9
BAKI DEPOSIT LESEN PEMBALAKAN
BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

BIL.	PEMBORONG	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)
1.	Pemberong 1	126,042.62	160,630.43	160,630.43
2.	Pemberong 2	51,350.52	51,350.52	51,350.52
3.	Pemberong 3	82,079.44	82,079.44	82,079.44
4.	Pemberong 4	164,607.06	164,607.06	67,519.05

BIL.	PEMBORONG	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)
5.	Pemborong 5	73,299.29	73,299.29	73,299.29
6.	Pemborong 6	16,725.00	16,725.00	16,725.00
7.	Pemborong 7	13,830.19	13,830.19	13,830.19
8.	Pemborong 8	4,911.97	4,911.97	4,911.97
9.	Pemborong 9	39,854.22	39,854.22	39,854.22
10.	Pemborong 10	198,302.14	198,302.14	203,174.09
11.	Pemborong 11	14,311.52	14,311.52	14,311.52
12.	Pemborong 12	111,635.92	111,635.92	111,635.90
13.	Pemborong 13	80,835.47	80,835.47	80,835.47
14.	Pemborong 14	17,115.35	17,115.35	17,115.35
15.	Pemborong 15	268,405.67	284,037.94	336,701.49
16.	Pemborong 16	-	-	24,771.42
17.	Pemborong 17	95,075.31	95,075.31	95,075.31
18.	Pemborong 18	20,063.61	20,063.61	27,551.37
19.	Pemborong 19	277,770.78	314,333.94	339,619.14
20.	Pemborong 20	-	-	25,193.88
21.	Pemborong 21	97,732.42	1,014,242.58	1,850,525.49
22.	Pemborong 22	94,165.71	94,165.71	94,165.71
23.	Pemborong 23	62,340.68	62,340.68	62,340.68
24.	Pemborong 24	41,751.41	41,751.41	41,751.41
25.	Pemborong 25	46,526.11	46,526.11	46,526.11
JUMLAH		1,998,732.41	3,002,025.81	3,881,494.20

Sumber: Baki Deposit Diterima ASPA Bagi Tahun 2014 hingga 2016

Maklum Balas ASPA yang Diterima pada 9 Ogos 2017

Pihak pengurusan ASPA akan mengambil tindakan dan mengambil kira daftar deposit seperti yang disarankan oleh pihak Audit mulai tahun 2017. Selain itu, pihak pengurusan ada membuat semakan setiap lima tahun sekali dan memaklumkan kepada pendeposit bahawa wang deposit mereka akan dihantar ke Bahagian Wang Tidak Dituntut (BWTD) Jabatan Akauntan Negara jika mereka membuat tuntutan lewat daripada tujuh tahun deposit diterima.

Pada pendapat Audit, Pengurusan Akaun Deposit Lesen ASPA adalah tidak memuaskan kerana sejumlah RM157,889 tidak dapat dikenal pasti pendepositnya.

2.5.3. Tadbir Urus

2.5.3.1. Tadbir urus merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal selia syarikat. Ia merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat serta

pengurusan risiko. Tadbir urus yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Tadbir urus yang baik patut diamalkan dengan meluas untuk memaparkan mutu dan integriti tertinggi pemimpin dalam organisasi. Antara amalan terbaik yang boleh diguna pakai adalah *Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG)*, *The Green Book - Enhancing Board Effectiveness April 2006*, *Blue Book Version 2, Intensifying Performance Management* dan panduan tadbir urus daripada *Chartered Institute of Internal Auditor*.

2.5.3.2. Semakan Audit telah dijalankan terhadap amalan tadbir urus ASPA dan penemuan Audit terhadap lapan aspek amalan tadbir urus penting adalah seperti berikut:

a. Pengerusi

- i. Mengikut amalan terbaik, Pengerusi hendaklah tidak mempunyai kuasa eksekutif serta tidak campur tangan dalam urusan operasi harian syarikat. Selain itu, tugas dan tanggungjawab Pengerusi hendaklah ditentukan secara bertulis dengan jelas. Sebagai tadbir urus baik, Pengerusi juga hendaklah tidak menganggotai jawatankuasa lain di peringkat Lembaga Pengarah syarikat untuk mengelakkan risiko konflik kepentingan.
- ii. Pada tahun 1999 Y.A.B. Dato' Sri Menteri Besar Pahang telah dilantik selaku Pengerusi Lembaga Pengarah bagi tempoh 1999 hingga 2017. Semakan Audit mendapati ASPA telah melaksanakan kesemua tiga amalan terbaik tadbir urus dalam aspek Pengerusi Lembaga Pengarah seperti berikut:
 - Pengerusi tidak mempunyai kuasa eksekutif dan tidak campur tangan dalam urusan operasi harian syarikat [MCCG 2012 *principle 3, recommendation 3.4 & Green Book perenggan 1.1.3*];
 - Tugas dan tanggungjawab Pengerusi ditentukan secara bertulis dengan jelas [MCCG 2012 *principle 1, recommendation 1.1, 1.2 & Green Book perenggan 1.1.3 dan 2.1.3*]; dan
 - Pengerusi dan CEO adalah dua individu yang berbeza. [MCCG 2012 *principle 3, recommendation 3.4 & Green Book perenggan 1.1.3*];

b. Lembaga Pengarah

- i. Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan syarikat beroperasi selaras dengan objektif penubuhannya melalui penyediaan strategi,

pelan perniagaan (*business plan*) yang mantap, dan rangka kerja tadbir urus yang berkesan. Pada 31 Disember 2016, Lembaga Pengarah ASPA dianggotai oleh enam orang Pengarah Bebas seperti di **Jadual 2.10**.

- ii. Semakan Audit terhadap amalan terbaik tadbir urus bagi Lembaga Pengarah mendapati kesemua sepuluh amalan terbaik ini dilaksanakan oleh ASPA seperti berikut:
 - Komposisi Lembaga Pengarah tidak melebihi sepuluh orang [*Green Book* perenggan 1.1.1];
 - Pengerusi Lembaga Pengarah adalah bebas, keanggotaan satu per tiga keahlian Lembaga Pengarah Bebas [*Green Book* perenggan 1.1.2];
 - Pelantikan semula tiga ahli Lembaga Pengarah berstatus bebas yang telah memegang jawatan tersebut melebihi sembilan tahun telah mendapat kelulusan pemegang saham dan disokong oleh justifikasi (MCCG) 2012 (*Principle 3, Recommendation 3.2* dan *3.3*);
 - Lembaga Pengarah telah dilantik atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan perniagaan syarikat [*Green Book* perenggan 1.1.4];
 - Lembaga Pengarah telah mewujudkan kod etika rasmi syarikat [MCCG 2012 *principle 1 recommendation 1.3*];
 - Lembaga Pengarah telah menyatakan peranan dan tanggungjawab ahli dengan jelas dalam melaksanakan tanggungjawab fidusiari [MCCG 2012 *principle 1 recommendation 1.2*];
 - Lembaga Pengarah telah menyedia dan meluluskan terma rujukan (TOR) bagi setiap jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Lembaga Pengarah dengan menyatakan peranan dan tanggungjawab dengan jelas. (*Green Book* perenggan 1.2.2);
 - Minimum kedatangan Pengarah ke mesyuarat Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya 50% [*Green Book*, perenggan 2.1];
 - Lembaga Pengarah telah memastikan ahlinya mempunyai akses kepada program pembelajaran yang berterusan bagi memperkasakan diri dalam pembangunan perniagaan yang dinamik dan kompleks serta mengekalkan penyertaan yang aktif semasa mesyuarat. [MCCG 2012, *principle 4 recommendation 4.2*]; dan
 - Semua keputusan perniagaan yang material/signifikan dibuat melalui mesyuarat Lembaga Pengarah dan bukan secara DCR (Resolusi Lembaga Pengarah). [*Handbook* - perenggan 2.5(d)]

JADUAL 2.10
AHLI LEMBAGA PENGARAH PADA 31 DISEMBER 2016

BIL.	KELAYAKAN/ KEMAHIRAN/ PENGALAMAN	TARIKH LANTIKAN/ (Bil. Tahun)	STATUS PENGARAH	
			EKSEKUTIF (x)/ BUKAN EKSEKUTIF (/)	BEBAS(/) BUKAN BEBAS (x)
1.	Menteri Besar Pahang	1999/ (17 tahun)	/	/
2.	Pengerusi Far East Holdings Berhad	2000/ (16 tahun)	/	/
3.	Pesara/Ahli Perniagaan	1982/ (34 tahun)	/	/
4.	Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang	2009/ (7 tahun)	/	/
5.	Pesara ASPA	2015/ (1 tahun)	/	/
6.	Bekas Pegawai Kewangan Negeri	2016	/	/

Sumber: *Form 49*

Pihak Audit berpendapat, pelantikan Ahli Lembaga Pengarah ASPA adalah baik kerana kesemuanya adalah Pengarah Bebas dan terdiri daripada mereka yang mempunyai kelayakan dan pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan perniagaan syarikat.

c. Ketua Pegawai Eksekutif

- i. Berdasarkan amalan terbaik, CEO hendaklah dilantik oleh pemegang saham/Menteri/agensi yang bertanggungjawab sepetimana disarankan oleh *Handbook* perenggan 3.5. Selain itu, MCCG 2012 *principle* 1, *recommendation* 1.1 dan *Green Book* perenggan 2.1.3 menyatakan tugas dan tanggungjawab CEO hendaklah ditentukan secara bertulis dengan jelas.
- ii. Semakan Audit mendapati ASPA tidak mempunyai Ketua Pegawai Eksekutif tetapi telah melantik Pengurus Besar atas persetujuan Ahli Lembaga Pengarah melalui mesyuarat Lembaga Pengarah ASPA Kali Ke-218.

d. Standard Operating Procedures

- i. Lembaga Pengarah hendaklah memastikan SOP merangkumi proses, prosedur dan polisi yang lengkap dan menyeluruh terhadap aspek kewangan dan aktiviti dalam menguruskan syarikat bagi mencapai objektifnya. Semakan semula terhadap SOP perlu dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan dan perubahan dalam operasi syarikat. SOP dan sebarang perubahannya perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati ASPA menyediakan prosedur berkaitan urusan dan operasi syarikat. Bagaimanapun, semakan lanjut

Audit mendapati prosedur bagi Pengurusan Baja dan Pengurusan Akaun Deposit Lesen tidak disediakan.

Pada pendapat Audit, SOP ASPA adalah kurang memuaskan kerana tidak disediakan dengan lengkap berkaitan prosedur bagi Pengurusan Baja dan Pengurusan Akaun Deposit Lesen.

e. Rancangan Korporat dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- i. Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada *Green Book*, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Tujuan perancangan strategik korporat adalah untuk memastikan segala perancangan yang dibuat memenuhi kehendak *stakeholders* dan pelanggan dalam jangka masa yang ditetapkan dengan mengambil kira aspek kewangan. Perancangan strategik korporat menetapkan fokus, objektif dan strategi pelaksanaan terhadap aktiviti syarikat. Rancangan korporat yang disediakan hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan amalan terbaik MCCG 2012 (*Principle 1, Recommendation 1.2*) antara tugas Lembaga Pengarah adalah meneliti dan meluluskan pelan strategik yang dicadangkan oleh pengurusan syarikat serta memantau pelaksanaannya.
- ii. Mengikut *Blue Book Version 2, Intensifying Performance Management*, syarikat kerajaan perlu menyediakan KPI bagi mengukur prestasi syarikat. KPI yang disediakan perlulah berkait rapat dengan strategi syarikat yang melibatkan semua peringkat dalam organisasi iaitu KPI bagi Ketua Eksekutif dan syarikat keseluruhannya, dan KPI bagi seksyen/unit perniagaan. KPI yang baik perlulah boleh dicapai, dibandingkan dengan tanda aras yang bersesuaian, mengandungi jangkaan, halangan dan situasi terhadap pencapaian KPI, mengambil kira rancangan jangka pendek dan sederhana serta indikator operasi dan kewangan dan KPI hendaklah disampaikan kepada semua peringkat dari kakitangan sehingga Ahli Lembaga Pengarah. Berdasarkan amalan terbaik *Green Book* Bahagian 1 Perenggan 3.2 menyarankan peranan Lembaga Pengarah adalah memantau prestasi dan pencapaian syarikat serta memastikan syarikat diuruskan dengan baik dan berkesan. Kaedah yang paling berkesan adalah dengan mengukur pencapaian dan prestasi syarikat melalui penetapan KPI.

- iii. Semakan Audit mendapati ASPA tidak menyediakan rancangan korporat dan KPI bagi mengukur prestasi syarikat dalam mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang.

Maklum Balas ASPA yang Diterima pada 9 Ogos 2017

Pihak pengurusan mengakui tidak menyediakan rancangan korporat dan KPI secara lengkap seperti dinyatakan oleh pihak Audit kerana kedudukan perniagaan ASPA sering bertukar berdasarkan situasi semasa. Pihak pengurusan hanya memberi tumpuan kepada bajet tahunan sebagai kayu ukur prestasi syarikat. Selain itu, untuk KPI hasil pembalakan agak sukar untuk ditentukan kerana ianya bukanlah di bawah kawalan sepenuhnya oleh ASPA. Pihak pengurusan ASPA sejak lima tahun kebelakangan ini memberikan keutamaan kepada hasil ladang. Oleh yang demikian, KPI hanya tertumpu kepada hasil ladang yang diteliti dan dikaji melalui bajet tahunan. Di samping itu juga, bagi setiap aktiviti syarikat yang baru, pihak pengurusan akan membawa kertas kerja kepada Ahli Lembaga Pengarah untuk kelulusan berdasarkan projek-projek yang akan dilaksanakan. Antaranya ialah pihak pengurusan telah merancang dan melaksanakan permohonan untuk pembangunan harta tanah di bekas kilang papan dan masih menunggu kelulusan daripada pihak yang berwajib. Sebagai memenuhi tanggungjawab sosial, pihak ASPA akan terus memberi sumbangan dalam membiayai honorarium guru-guru sekolah agama dan sekolah tafhib di Negeri Pahang serta sumbangan lain yang difikirkan perlu untuk masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan akan melaksanakan tindakan seperti yang disarankan oleh pihak audit.

Pada pendapat Audit, perancangan strategik syarikat tidak dilaksanakan dengan memuaskan memandangkan rancangan korporat dan KPI tidak disediakan.

f. Jawatankuasa Audit

- i. Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan Jawatankuasa Audit yang bertanggungjawab menilai dan memberi syor terhadap kualiti kawalan dalam operasi syarikat kepada Lembaga Pengarah untuk meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan syarikat.
- ii. Berdasarkan MCGG 2012, *principle 6 recommendation 6.2 Green Book* perenggan 1.2.1 menyarankan Lembaga Pengarah menukuhan Jawatankuasa Audit, dipengerusikan oleh Pengarah Bebas, mempunyai komposisi sekurang-kurangnya tiga ahli dan tidak melebihi empat ahli

sama ada di kalangan Lembaga Pengarah atau orang luar yang memiliki kepakaran kewangan. Semakan Audit mendapati ASPA tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit.

Pada pendapat Audit, pelantikan Jawatankuasa Audit adalah perlu bagi menilai kualiti kawalan dalaman operasi syarikat dan meneliti Laporan Unit Audit Dalam kepada Lembaga Pengarah untuk meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan syarikat.

g. Audit Dalaman

- i. Peranan utama Audit Dalaman ialah untuk menilai pematuhan, pengurusan kepada dasar dan prosedur yang ditetapkan. Ia membantu JKA dalam menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.
- ii. Berdasarkan MCGG 2012, *principle 6.2* menyarankan Lembaga Pengarah perlu menubuhkan fungsi Audit Dalaman yang melapor terus kepada Jawatankuasa Audit. Audit Dalaman hendaklah melaksanakan pengauditan bagi meningkatkan keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman dalam syarikat dan seterusnya memastikan tindakan susulan diambil oleh pengurusan terhadap perkara yang dibangkitkan. MCCG 2017, *guidance 10.1* pula menyatakan Ketua Audit Dalaman hendaklah dilantik oleh JKA dan terma rujukan Audit Dalaman hendaklah jelas dan diluluskan oleh JKA. Semakan Audit mendapati ASPA tidak menubuhkan Audit Dalaman.

Maklum Balas ASPA yang Diterima pada 9 Ogos 2017

ASPA pernah mewujudkan Unit Audit Dalam tetapi selepas kemerosotan ekonomi pada lewat tahun 1980an, Unit Audit telah ditutup pada tahun 1996 dan dibuka semula pada tahun 1998 namun selepas peletakan jawatan oleh penjawat tersebut pada tahun 2002, jawatan ini tidak diisi semula. Selain itu, pihak pengurusan akan membawa dan menyarankan kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam. Di samping itu juga, cadangan lain ialah penggunaan khidmat audit luar yang dilantik untuk menjalankan tugas audit dalam yang akan memantau operasi syarikat.

Pada pendapat Audit, penubuhan Audit Dalaman adalah perlu untuk menilai pematuhan, pengurusan kepada dasar dan prosedur yang ditetapkan. Selain itu, ia dapat membantu JKA dalam menilai dan

meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.

h. Pemantauan Syarikat Subsidiari

ASPA mempunyai 29 syarikat subsidiari milikan penuh tetapi hanya dua syarikat yang masih aktif dan beroperasi dengan pegangan saham melibatkan kos pelaburan sejumlah RM7.2 juta iaitu Pengurusan KUMIPA Berhad dan Perkayuan Pahang (Bentong/Raub) Sdn Bhd. Manakala syarikat lainnya berstatus *dormant* dan terdapat sepuluh syarikat sedang dalam proses pembubaran. Semakan Audit terhadap Penyata Kewangan Beraudit syarikat subsidiari mendapati Pengurusan KUMIPA Berhad mencatatkan kerugian sebelum cukai tiga tahun berturut-turut bagi tahun 2013 hingga 2015 namun mencatatkan keuntungan terkumpul berjumlah RM1.57 juta pada tahun 2015. Manakala Perkayuan Pahang (Bentong/Raub) Sdn. Bhd. yang diaktifkan semula pada tahun 2015 mencatatkan kerugian sebelum cukai dua tahun berturut-turut namun masih mencatatkan keuntungan terkumpul berjumlah RM1.65 juta pada tahun 2015. Bagi kedua-dua syarikat subsidiari tersebut, tiada pendahuluan/ pinjaman dan dividen diberikan atau diterima oleh ASPA bagi tahun 2013 hingga tahun 2015. Butiran lanjut prestasi kewangan syarikat subsidiari tersebut bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.11
PRESTASI KEWANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI TAHUN 2013, 2014 DAN 2015**

NAMA SYARIKAT	AKTIVITI UTAMA	PENDAPATAN (RM)			UNTUNG/RUGI SEBELUM CUKAI (RM)		
		2013	2014	2015	2013	2014	2015
Pengurusan KUMIPA Berhad	Pengurusan dana dan tabung unit amanah saham	1,308,405	1,278,570	1,147,760	(260,737)	(405,305)	(455,461)
Perkayuan Pahang (Bentong/Raub) Sdn Bhd	Penyewaan kilang dan kelengkapan memproses balak	1,505,537	54,000	1,107,355	1,214,124	(282,062)	(302,310)

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 hingga 2015

Maklum Balas ASPA yang Diterima pada 9 Ogos 2017

Pengurusan Kumipa Berhad (PKB) menguruskan satu unit tabung amanah sahaja dan hasil utamanya adalah daripada yuran pengurusan dan yuran perkhidmatan. Yuran pengurusan adalah 1.5% daripada nilai asset bersih harian tabung amanah saham KUMIPA. Apabila turun nilai asset tersebut maka yuran pengurusan kepada PKB turut berkurangan. Yuran perkhidmatan pula adalah caj yang dikenakan bagi jualan unit amanah saham KUMIPA pada kadar 5.25% atau harga jualan. Disebabkan kekurangan jualan unit amanah saham KUMIPA, maka pendapatan dari

yuran perkhidmatan kepada PKB juga turut berkurangan. ASPA turut menjelaskan Perkayuan Pahang (Bentong/Raub) Sdn. Bhd. hanya mula beroperasi semula mulai bulan Mei 2015 dan syarikat telah memperuntukkan perbelanjaan susut nilai sejumlah RM263,403. Manakala pada tahun 2016, syarikat memperoleh keuntungan kasar sejumlah RM352,687 tetapi disebabkan kos pentadbiran yang tinggi iaitu RM607,654 telah menyebabkan syarikat mengalami kerugian sebelum cukai sejumlah RM148,600. Antara kos pentadbiran termasuk peruntukan hutang lapuk dihapus kira sejumlah RM111,727.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan kedua-dua syarikat subsidiari dan pemantauan terhadap 27 syarikat subsidiari lain kurang memuaskan kerana dua syarikat yang masih aktif mengalami kerugian setiap tahun dan 17 syarikat lain adalah dorman.

2.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif penubuhan Amanah Saham Pahang Berhad (ASPA) dapat dicapai sepenuhnya, adalah disyorkan pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah ASPA mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan ini, pihak Audit mengesyorkan pihak yang terlibat memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- 2.6.1. memastikan langkah diambil bagi meningkatkan pengeluaran BTS ladang kelapa sawit seperti penggunaan teknologi baru, anak benih dan baja yang berkualiti serta mengatasi kekurangan tenaga kerja dengan segera;
- 2.6.2. memperluaskan lagi aktiviti perladangan kelapa sawit dan getah dengan menambah ladang baru memandangkan aktiviti pembalakan dan sumber hutan telah berkurangan bagi meningkatkan hasil pendapatan serta menyumbang kepada peningkatan sosio ekonomi Negeri Pahang; dan
- 2.6.3. mengkaji dan menyediakan pelan rancangan korporat jangka pendek dan jangka panjang dengan petunjuk prestasi yang jelas, mampu dicapai dan berdaya saing serta menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam bagi memastikan pematuhan dan keutuhan kawalan dalaman yang berkesan terhadap organisasi.

PENUTUP



PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi/Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur Kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjelaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi/Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya
17 Oktober 2017



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2017
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62518 Putrajaya.

| Tel : +603 8889 9000

| Faks : +603 8888 9721